

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 149 ● 7 - 13 JANUARI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhtarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Mudahkan urusan mangsa banjir - PM



PERDANA Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bertanya khabar salah seorang mangsa banjir yang bayinya dirawat petugas kesihatan di PPS Seri Pengkalan, Alor Gajah, Melaka, pada Selasa.

> Pastikan setiap pihak galas tugas sebaiknya ➡ 2

> Misi kemanusiaan KWP, agensi ke Selatan tanah air ➡ 4

PM pastikan setiap pihak galas tugas sebaiknya dalam urusan pemberian bantuan

PERDANA Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan memastikan setiap pihak menggalas tugas masing-masing sebaiknya dalam melancarkan urusan pemberian bantuan-bantuan kerajaan berikut bencana banjir yang melanda negara.

Beliau berkata segala bantuan yang telah diumumkan mesti segera dihulur kepada mereka yang terkesan.

"Saya turut mengingatkan anggota Kabinet bahawa semua

orang mempunyai peranan masing-masing dalam menghadapi krisis kesihatan, ekonomi dan bencana yang melanda negara.

Saya yakin dan percaya, dengan tumpuan dan dedikasi dari semua, cabaran ini dapat kita laju dengan tenang, sebagai sebuah Keluarga Malaysia," katanya dalam catatan di laman Facebooknya pada Rabu.

Perdana Menteri berkata ia merupakan antara dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet pertama tahun ini yang di-

pengerusikannya di Perdana Putra, Putrajaya.

Menurutnya antara penekanan mesyuarat berkenaan adalah isu pengurusan banjir dan pasca banjir serta penangguhan ibadah umrah bagi jemaah Malaysia atas sebab penularan varian Omicron di Tanah Suci.

Ismail Sabri dalam ciapan di Twitternya pula memaklumkan 36,087 atau 76 peratus ketua isi rumah telah menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI), setakat 1

tengah hari 5 Januari.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan Bantuan Banjir Keluarga Malaysia antaranya meliputi BWI sebanyak RM1,000 kepada setiap ketua isi rumah berbanding RM500 sebelum ini.

Bayaran bantuan berkenaan disalurkan sejak 27 Disember tahun lepas, iaitu 10 hari selepas kejadian banjir agak luar biasa yang melanda beberapa negeri termasuk Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. - BERNAMA



ISMAIL SABRI

Mangsa terharu KWP dan agensi ambil risiko hulur bantuan

Banjir: Shahidan rentasi sempadan

AZLAN ZAMBRY

NASIB mangsa banjir genang di Alor Gajah, Melaka dan Segamat, Johor terus mendapat perhatian Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim apabila dua pasukan digerakkan bagi membantu kerja-kerja menyelamat serta pembersihan di kawasan terjejas banjir.

Meskipun ia berlaku di luar kawasan pentadbirannya, keprihatinan yang ditunjukkan warga Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensinya disambut penuh kesyukuran mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Melaka, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, kesudian pihak KWP dan agensi



MUHAMMAD JAILANI

membantu penduduk yang terjejas jelas menunjukkan sikap proaktif dan prihatin terhadap keadaan mangsa yang terlibat.

"Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Shahidan Kassim kerana beliau telah memainkan peranannya sebagai menteri dan mengerahkan agensi di bawah kerementeriannya untuk membantu dalam operasi menyelamat dan membersihkan kawasan yang terlibat.

"Tindakan ini amat dihargai kerana dapat membantu meringankan beban mangsa. Tiada ukuran dan penghargaan yang boleh dibuat atas pengorbanan semua pihak yang terlibat dalam membantu mangsa banjir kerana ia melewati sempadan pengorbanan yang mulia," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Beliau yang juga Ahli Dewan



SHAHIDAN (dua dari kanan) mendengar keluhan Dalib Ahmad (tengah) yang ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan Seri Pengkalan.

Undangan Negeri (ADUN) Rembia berkata, kehadiran pasukan Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan sumbangan daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) se-

banyak RM20,000 untuk mangsa banjir amat dihargai.

"Sumbangan dari YWP kepada 100 keluarga sedikit sebanyak dapat merawat duka meskipun ia tidak

dapat menggantikan kehidupan yang telah hilang dan saya mewakili mangsa mengucapkan terima kasih kerana membantu mangsa ketika dalam situasi ini," ujarnya.

Sementara itu, warga emas, Dalib Ahmad, 73, menyifatkan kehadiran Shahidan serta agensi untuk membantu mangsa seperti amat di alu-alukan dan sekali gus menunjukkan tauladan yang baik kepada generasi muda.

"Dalam situasi sukar ini kami amat bersyukur kerana selain sumbangan tunai, difahamkan pihak menteri turut menghulurkan bantuan makanan selain ada pasukan yang membantu membersihkan rumah. Malah beliau sendiri turun padang untuk mendengar masalah dan berjanji untuk melaporkan sendiri kepada Perdana Menteri.

"Dengan sikap yang ditunjukkan ini, pemimpin tempatan mesti mengambil ictibar kerana orang luar pula yang mencari peluang untuk membantu mangsa banjir di sini," katanya. WK

Skuad Penyelamat DBKL terima pujian warga Kampung Baru Hicom

KESAN bencana di kawasan banjir masih lagi kelihatan meskipun sudah tiga minggu berlalu kerana ia bukan sahaja menjasaskan kehidupan, malah turut merosakkan harta benda.

Kenderaan rosak yang tersadai akibat ditenggelami banjir genang juga belum diubah kedudukan.

Di sebalik kejadian itu, pujian diberikan kepada Skuad Penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana tangkas membantu mangsa banjir meskipun ia di luar kawasan jajahan.

Dalam hantaran di laman Facebook Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru Hicom, Seksyen 26 Shah Alam, Selangor, Skuad Penyelamat DBKL dinyatakan sebagai antara organisasi yang paling awal tiba untuk operasi

menyelamat.

"Pentadbiran ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua ahli-ahli penyelamat DBKL yang bertangkus lumus membantu mengeluarkan mangsa-mangsa banjir yang terdiri daripada warga emas, bayi dan ibu yang masih dalam pantang serta orang kurang upaya (OKU)."

"Usaha dan bakti anda disaksikan seluruh penduduk kampung. Kami mendoakan semoga seluruh anggota penyelamat DBKL diberikan kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan dunia dan akhirat. Anda adalah Hero kami!!!"



Selain itu, melalui salah seorang mangsa yang terlibat turut mengakui Skuad Penyelamat DBKL merupakan pasukan pertama yang

tiba untuk membantu memindahkan penduduk terlibat ke pusat pemindahan sementara (PPS) yang berhampiran.

Pengguna akaun bernama Eddie B Shaharudin berkata, dia menyaksikan sendiri kehebatan dan ketangkasan seluruh anggota Skuad Penyelamat DBKL yang bertugas ketika operasi mencari dan menyelamat dijalankan.

"Walaupun DBKL tiada kena mengena dengan Selangor, usaha anda semua sangat-sangat ikhlas dan pada pendapat saya, wajar jika mereka ini diberikan pujian dan anugerah."

"Mohon pihak atasan DBKL menganugerahkan bonus tambahan untuk mereka yang terlibat dalam kerja2 penyelamatan mangsa banjir di KBH..."



Tangkap layar status dan komen daripada Facebook penduduk MPKK Kampung Baru Hicom, Seksyen 26 Shah Alam serta mangsa banjir yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat Skuad Penyelamat DBKL sewaktu kejadian tersebut pada 18 Disember lalu.

Tidak henti membantu penduduk terjejas

Flying Squad DBKL hero warga kota

DIANA AMIR

MEMPUNYAI kuasa magis, berbadan sasa serta berkebolehan antara imej yang sering dipaparkan di televisyen mengenai perwatakan seorang adiwira.

Namun ia berbeza buat petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang hanya berbekal semangat serta tekad dalam memastikan keselesaan warga kota terus dijaga.

Sentiasa bersedia untuk berkhemah, pasukan beruniform merah, biru dan putih, Flying Squad DBKL berpusat di dua lokasi iaitu Cheras dan Sentul.

Menurut hantaran DBKL di laman rasmi Facebooknya, pasukan yang ditubuhkan adalah untuk memberi perkhidmatan pembersihan serta persiapan bagi pengajuran acara rasmi.

"Acara-acara rasmi tersebut melibatkan DBKL, kementerian, jabatan serta agensi kerajaan dan terdapat lagi satu skuad yang hanya menumpukan tugas logistik.

"Selain itu, mereka diberi



PETUGAS DBKL turun membantu operasi pembersihan pasca banjir di Taman Sri Muda, baru-baru ini.

tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi COVID-19 sejak pandemik melanda negara serta turut terlibat dalam operasi pembersihan pasca banjir kilat di ibu kota," katanya.

Rentetan bencana banjir yang

berlaku sejak 18 Disember 2021, skuad ini ditugaskan untuk membantu di Hulu Langat, Shah Alam dan Banting, Selangor.

"Flying Squad Cheras dan Sentul serta Skuad Logistik pernah terlibat secara langsung semasa



ASET dan tenaga mahir DBKL digerakkan bagi membantu operasi menyelamat serta pembersihan di kawasan terjejas banjir.

Operasi Pembersihan Pasca Banjir di Kuala Krai dan Kuantan, Pahang pada tahun 2014 lalu," tulisnya di Facebook yang turut menambah kesemua mereka berada di bawah seliaan Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan dan Alam

Sekitar.

Ucapan terima kasih turut dirakamkan buat Flying Squad DBKL yang sentiasa bersemangat jitu dalam membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira sempadan. **WK**

Suria KLCC, MARA bantu mangsa banjir

BENCANA banjir yang melanda beberapa buah negeri baru-baru ini mengakibatkan penduduk terlibat mengalami kerugian hara-benda.

Keadaan itu menyebabkan ramai pihak yang tampil menghulurkan bantuan termasuk badan korporat dan agensi kerajaan.

Tidak terkecuali, pusat beli-belah Alamanda Putrajaya yang sekali lagi bangkit menyalurkan bantuan berupa barang makanan dan keperluan peribadi sebanyak RM20,000 kepada mangsa banjir dalam kalangan pesakit dan kakitangan Hospital Kuala Lumpur pada 31 Disember lalu.

Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat Suria KLCC, Andrew Brien memaklumkan, mereka yang terlibat terdiri daripada mangsa yang menetap di kawasan terjejas di Selangor dan Kuala Lumpur seperti Taman Sri Muda, Hulu Langat, Puchong, Shah Alam, Dengkil, Gombak serta Jalan Ipoh.

Ujarnya, selain daripada sumbangan tersebut, pihak Alamanda juga menyalurkan bantuan bernilai RM10,000 kepada Hospital Putrajaya untuk membantu 168 kakitangan hospital yang terkesan banjir pada 20 Disember lalu.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya amat bersympati dengan keadaan yang menimpa mangsa dan percaya bahawa usaha itu sebagai solidariti bersama mereka.



SUKARELAWAN terlibat membantu membersihkan peralatan dan kelengkapan dapur mangsa banjir.

"Di samping keadaan cuaca yang tidak menentu, kami menyeru kepada semua untuk kekal selamat dan sentiasa siap siaga terhadap sebarang ancaman keselamatan dan kesihatan awam," jelasnya dalam kenyataan.

Sementara itu, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah mengerakkan sekitar 1,000 kakitangan beserta para sukarelawan bagi membantu mangsa banjir di seluruh negara.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azhar Abdul Manaf berkata antara bantuan yang diberikan seperti baik pulih rumah, membersihkan rumah penduduk

terkesan banjir dan memeriksa serta membaiki peralatan elektrik.

"Kalau ikutkan kita (MARA) telah mula (turun beri bantuan) sejak hari kejadian berlaku. Sepanjang bencana banjir di Selangor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, kita telah memberikan khidmat pembersihan rumah," katanya.

Azhar berkata, sepanjang musibah melanda, seramai 287 warga kerja MARA terkesan.

"Bagi peminjam perniagaan atau pelajaran, kita juga akan buat penjadualan semula dan perkara itu telah pun diumumkan oleh YB Menteri. **WK**

Konvoi Karak beri pengalaman baru buat penulis

HAZIRAH HALIM

PENGHJUNG tahun 2021 bukanlah satu pengalaman manis yang dapat disimpan sebagai kenangan sebaliknya ia membawa kepada kesedihan dan kesukaran buat seluruh rakyat Malaysia apabila negara dilanda banjir berterusan semenjak 18 Disember tahun lalu.

Lebih memilukan apabila musibah ini telah menyebabkan banyak jalan raya terputus akibat arus air banjir serta memusnahkan rumah yang mengamit 1001 memori bersama keluarga, kenderaan termasuk barang keperluan mereka.

Rentetan daripada kejadian yang sedang berlaku ini, penulis berpeluang mengikuti konvoi bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim meninjau keadaan mangsa banjir di Taman Makmur Jaya, Karak, Pahang baru-baru ini.

Sepanjang perjalanan di laluan Karak itu, penulis saya dengan keadaan kawasan sekitar tersebut apabila banyak timbunan kayu-kayan berselerak akibat runtuh tanah bukit ketika hujan lebat.

Destinasi pertama kami adalah Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Karak di mana taklimat ringkas diberikan kepada Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mengenai perkembangan terbaru operasi pembersihan pasca banjir di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Selepas selesai taklimat, kami bergerak menuju ke kawasan perumahan Taman Makmur Jaya untuk misi memberi bantuan bakul makanan kepada penduduk terjejas banjir. Kenderaan yang membawa Menteri Wilayah Persekutuan diserbu oleh penduduk sebaik sahaja memasuki kawasan itu.

SEMBILAN JAM BERTARUNG NYAWA DI MUKA 15

Jelas terpancar wajah kegembiraan mangsa-mangsa apabila menerima kunjungan dan sumbangan bakul makanan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan bersama agensi-agensi terlibat.

Tepat pukul 11 malam, konvoi ke Karak, Pahang beransur pulang dengan keadaan hujan lebat bercampur debu, jalan gelap serta berliku menyukarkan lagi pemanduan.

Keadaan di Pahang, rata-rata rumah mempunyai kesan air lumpur setinggi paras bumbung, kawasan perumahan pula dipenuhi lumpur tebal serta longokan sampah yang memenuhi bahu jalan menunjukkan kawasan di sana teruk terjejas dengan bah yang melanda.

Keperitan yang dialami, sukar digambarkan meskipun senyuman terlakar di wajah mereka bak kata pepatah berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. **WK**



SHAHIDAN Kassim bersama isterinya, Shamsiah Md Yassin turut mengunjungi mangsa banjir bagi menyerahkan sumbangan di PPS SMK Seri Pengkalan.



PEMANGKU Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud memberi taklimat mengenai Operasi Bantuan Banjir kepada Datuk Seri Dr Shahidan Kassim di Alor Gajah, Melaka.

Misi kemanusiaan KWP, agensi ke Selatan tanah air

SERAMAI 60 petugas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) telah dihantar ke Segamat, Johor serta Melaka bagi misi bantuan banjir.

Menyatakan berita ini, Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata kesemua petugas telah berada di dua negeri berkenaan sejak semalam selain Pusat Kawalan Operasi Banjir bagi menyelaras dan mengatur gerak kerja bersama pasukan pengurusan bencana daerah dan negeri.

"Bagi misi di Segamat, DBKL menggerakkan sebuah bot besar, dua buah kenderaan pacuan empat roda (4x4), dua van dan lima lori.

"Untuk misi di Melaka, PPj menggerakkan enam buah pacuan 4x4, sebuah lori, beberapa buah bot kecil selain peralatan pembersihan seperti 15 unit 'water jet', tiga 'water pump' dan tiga hos biru," katanya.

Beliau berkata selain daripada operasi membantu, menyelamat dan membersih di kawasan terjejas ben-



SHAHIDAN Kassim ditemani isterinya, Shamsiah Md Yassin dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun (duduk kanan) melawat ke Pusat Penempatan Sementara (PPS).

cana, bantuan bakul makanan turut akan diedarkan kepada keluarga yang terlibat.

Shahidan berkata jumlah sukarela-

wan daripada pelbagai agensi di bawah kementeriannya juga akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan keadaan semasa. **WK**



MISI bantuan pasca banjir pasukan Perbadanan Putrajaya di Melaka diketuai oleh Pemangku Presiden Perbadanan Putrajaya Datuk Fadlun Mak Ujud bersama pasukannya.



SIDANG REDAKSI
PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG
Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN
Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN
Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA
Rostam Afendi Ab Rashid
lemondecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Nooreeza Hashim
nooreeza.hashim.wilayahku@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN
Nur Fatihah Mohd Amir
fatiyah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN
Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

CERITA KEDAI KOPI

Waspada gelombang kedua

BANJIR sudah susut di beberapa buah negeri yang dilanda teruk sebelum ini, khususnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan jirannya Selangor juga Pahang. Namun di beberapa buah negeri seperti Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka keadaan dilaporkan serius.

Sementara kita sama-sama berdoa agar negara dihindarkan daripada banjir teruk, kawan-kawan Kedai Kopi menasihati semua pihak, khususnya di Kuala Lumpur, sentiasa berwaspada. Ambil ingatan amaran Jabatan Metrologi mengenai hujan lebat, angin kencang dan gelombang kedua banjir.

Di ibu negara, hujan lebat dan angin kencang selalunya membawa kesan sampingan seperti banjir kilat atau pokok-pokok besar tumbang. Kesemua ini bukan sahaja mendatangkan kesusahan tetapi ada yang sampai meragut nyawa.

Kemalangan berlaku tanpa diduga. Ada kala sedang memandu, pokok tumbang atau dahan patah menimpak pengguna jalan.

Selain itu ada yang menimpak rumah kediaman atau bangunan menyebabkan kerosakan banyak harta benda.

Kerana itu dalam musim hujan ini, dengan keadaan cuaca tidak menentu, kawan-kawan Kedai Kopi mengingatkan warga Kuala Lumpur khususnya agar sentiasa berhati-hati terhadap keselamatan diri dan keluarga. Jika tidak perlu keluar, elok duduk di rumah sahaja.

Perlu diingat, banyak kawasan di ibu negara, pokok-pokok besar yang memayungi jalan adalah 'pokok segera'. Pokok ini bukan ditanam di tempat ia tumbuh tetapi dikorek daripada tempat lain dan dipindahkan untuk ditanam ke lokasi tertentu.

Oleh kerana itu struktur akarnya tidak sekukuh akar pokok yang ditanam sejak kecil dan membesar di lokasi ia ditanam. Selalunya pokok segera inilah yang mudah tewas kepada tiupan angin kencang dan hujan ribut.

Kerana itu sangat diharapkan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi perhatian serius terhadap perkara ini dengan melakukan pemantauan berterusan terutamanya di kawasan terdapat banyak pokok sudah tua.

Pokok-pokok yang didapati sudah uzur dan berbahaya kepada orang ramai wajar dimusnahkan terus. Jangan tunggu sehingga berlaku bencana baharu hendak bertindak. Ketika itu mungkin sudah terlambat. Nyawa mungkin sudah melayang dan harta benda rosak binaan.

Warga Danau Kota membantu

KETIKA ramai terkena tempias pandemik COVID-19 akibat hilang kerja dan sumber pendapatan, Persatuan Penduduk Taman Danau Kota (PPTDK), Setapak, Kuala Lumpur, berusaha membantu meringankan beban mereka yang terjejas dengan mewujudkan 'Gerobok Rezeki Taman Danau Kota'.

Melalui gerobok ini persatuan memberi sumbangan barang keperluan asas seperti beras, gula, tepung, bijun, kicap, biskut, minyak masak dan sebagainya. Mereka menggunakan duit kutipan sendiri dan sumbangan penduduk serta orang ramai bagi menjayakan program ini.

Ramai telah menerima sumbangan bakti ini, terdiri daripada penduduk taman dan sekitarnya yang memerlukan.

Apabila banjir besar melanda baru-baru ini termasuk di Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang, sekali lagi Persatuan Penduduk Taman Danau Kota bangkit menghulur bantuan kepada yang terlibat. Sumbangan tenaga, wang ringgit, makanan dan pakaian dihulur kepada mangsa banjir.

Begitulah kental dan kuatnya semangat bantu-membantu di kalangan PPTDK. Kawan-kawan Kedai Kopi sangat bangga dengan sikap persatuan ini dan ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah.

Antara tempat yang mereka kunjungi untuk memberi bantuan ialah Hulu Langat, Selangor dan Bentong, Mentakab serta Temerloh, Pahang. Kawasan ini semua antara paling teruk dilanda banjir. Bantuan diberi termasuk pakaian lelaki dan perempuan, makanan serta peralatan tidur seperti bantal dan selimut.

Turut disumbangkan ialah *pampers* dan tuala wanita serta keperluan membersih diri seperti sabun dan ubat gigi. Selain itu, rombongan juga membantu kerja gotong-royong membersihkan rumah yang dipenuhi selut banjir. Kawan-kawan Kedai Kopi Kagum dengan kegigihan bantu-membantu warga PPTDK ini. Usaha ini sangat dihargai.

Sering kali dikatakan untuk mengetahui rakan sejati ialah ketika kita dalam kesusahan. Persatuan Penduduk Taman Danau Kota membuktikan hakikat ini.

Bazar Kreatif

USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

Berjaya Times Square, Tingkat 4, (Lot 04-87)
10.00 Pagi - 10.00 Malam (Buka setiap hari)



**BUY 1
FREE 1 VOUCHER**
Setiap pembelian
RM50 ke atas

Pelbagai
AKTIVITI MENARIK
MENANTI ANDA
» Busking
» Karolke
» Squid Game

**JOM KUNJUNGI
KAMI!**



Konsep Flea Market

Produk makanan, minuman,
jahitan, pakaian, kraf tangan
dan lain-lain



RUANG MAKANAN

Pelbagai jenis makanan
menanti anda



RUANG PAKAIAN

Pelbagai pakaian yang
anda boleh dapat



RUANG KECANTIKAN

Dapatkan Jamu dari
Booth berdekatan



TIKET PERCUMA

Setiap pembelian
RM50 ke atas



PELBAGAI BARANG

Anda boleh dapat
Kraf tangan, Lukisan & Barang antik

**Jumpa
KAMI DI**

Berjaya Times Square
Tingkat 4, (Lot 04-87)



**BUKA SETIAP HARI
10.00 PAGI - 10.00 MALAM**

#**KELUARGA
MALAYSIA**





KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

7 - 13 JANUARI 2022

Wilayah Ku

MEDIA WARDA KOTA

Realiti hidup di Kuala Lumpur

KUALA Lumpur hari ini adalah Singapura pada tahun 1940 yang menjadi impian hampir setiap anak muda Malaya.

Singapura adalah tabir mimpi-mimpi indah sebuah kota yang tidak ada di mana-mana melainkan di pulau itu. Lubuk rezeki, kerjaya sekali gus hiburan semuanya ada di Singapura.

Malah seolah-olah kehidupan ini hanya terjuji apabila seseorang itu berjaya menakluki Singapura.

Demikianlah hebatnya gambaran Singapura dalam mimpi anak muda Malaya. Apa lagi filem terbitan kapitalis Hong Kong di Singapura menjadi menu sosial anak muda era sebelum dan selepas merdeka.

Tetapi di sebalik kemilau itu, banyak yang terpaksa bekerja membanting tulang siang dan malam untuk hidup. Mimpi-mimpi indah tatkala melihatnya dari jauh terbang entah di mana. Hakikat kehidupan adalah ketika kita berada di dalamnya, bukan melihat dari tabir jendela.

Ketika menjengah remaja dekad 1970-an dan 1980-an di kampung di Perlis, Kuala Lumpur juga antara yang melintas dalam mimpi indah saya. Malah itu juga menjadi impian sebahagian besar dalam kalangan kawan-kawan.

Semua bercita-cita mencari kerja di Kuala Lumpur – paling tidak menjadi buruh binaan dengan gaji yang lumayan.

Kuala Lumpur sangat memukau alam dan cita-cita remaja kami. Seolah-olah itulah kehidupan yang diimpikan oleh semua orang.

Selepas meninggalkan alam persekolahan akhir 1970-an, banyak kawan merantau ke Kuala Lumpur. Mereka bekerja di kilang-kilang dan menjadi buruh binaan di tapak pembinaan.

Cerita-cerita mengenai gaji buruh kontrak yang lumayan membuatkan saya terlopong.

Kemudian membina impian seperti mereka – bekerja di Kuala Lumpur untuk mengumpul duit. Waktu itu saya hanya mengikuti gemerlap Kuala Lumpur daripada paparan dalam filem Melayu. Sungguh indah.

Pesona yang digambarkan memang sangat memagut rasa untuk turut berada dan bekerja di Kuala Lumpur.

Walaupun ketika dekad 1970-an, Kuala Lumpur sangat ‘mundur’ berbanding sekarang, tetapi sudah dianggap seperti New York dalam impian anak-anak muda termasuk saya.



PESONA bandaraya Kuala Lumpur menggamit kehadiran masyarakat dari setiap pelusuk negeri untuk menempa rezeki dan membina kerjaya.

Tetapi hakikatnya tidak semua gambaran yang indah itu boleh dinikmati oleh semua orang.

Cahaya gemerlap itu sebenarnya terlalu jauh dan sukar untuk digapai dengan tangan. Memang gemerlap Kuala Lumpur sangat memukau, tetapi tidak semua dapat memiliki sekali gus berada di dalamnya.

Kuala Lumpur mempunyai sisi yang pelbagai. Bukan seperti sekeping poskad yang selalu diterima daripada kawan-kawan yang bekerja di kota raya ini.

Tidak semuanya penuh dengan keindahan. Malah banyak cerita yang indah tidak lebih sekadar cahaya lampu yang memukau kelekatku.

Sisi pahitnya bahawa Kuala Lumpur adalah perjuangan hidup yang amat mencabar dan penuh jeram-jeram berbatu.

Malah tanpa iltizam banyak juga yang kecundang di tengah jalan. Banyak yang hilang peta peribadi untuk pulang ke pangkal diri.

Kuala Lumpur itu ibarat lautan – yang malas atau tidak mampu menggerak kaki dan tangan akan tenggelam. Inilah perjuangan hidup yang tidak pernah ada penamatnya.

Siapa lambat akan tertinggal dan terus ketinggalan kerana tidak ada siapa yang peduli akan kehidupan orang lain.

Pada dekad 1980-an ketika saya menjelak kaki ke Kuala Lumpur, banyak kawan yang sebaya dalam lingkungan usia 20-an adalah pendatang dari kampung dan pedalaman.

Mereka bukan dari Lembah Kelang, tetapi di negeri-negeri yang jauh daripada tempias Kuala

Lumpur.

Misalnya Kelantan, Terengganu, Johor dan Kedah. Malah sebahagian besar kawan-kawan baharu yang saya temui adalah perantau.

Sangat sedikit anak kelahiran Kuala Lumpur yakni anak kelahiran Kampung Baru atau gelembung elit Melayu di Damansara dan Bangsar.

Kini selepas empat dekad, perantau yang kemudian menjadi penghuni tetap Kuala Lumpur dan terus berkampung di sini, jumlah anak jati Kuala Lumpur bertambah dengan mendadak.

Sekarang mereka yang berusia lingkungan 30-an sebahagian besar anak kelahiran Kuala Lumpur – termasuk tiga anak saya.

Antara pemangkin penghijrahan perantau ke Kuala Lumpur empat dekad lalu adalah mahu mencari kehidupan baharu.

Walaupun banyak tanah terbiar di kampung, banyak juga yang melihat Kuala Lumpur sebagai lubuk rezeki. Banyak kilang yang membuka peluang pekerjaan yang tidak ada di kampung-kampung.

Bagaimanapun hakikatnya hidup di Kuala Lumpur tidak seindah biasan mimpi yang melintas di garis masa sebelum berada di kota ini.

Apabila menjelak kaki ke kota paling metropolitan ini, barulah kita mengenali wajah dan pekertinya yang sebenar.

Keakuan menggantikan kebersatuhan yang menjadi teras dalam hidup di kampung.

Banyak yang terdorong menjadi individualistik kemudian materialistik. Dalam perlumbaan hidup yang sangat sengit, tidak

“Cahaya gemerlap itu sebenarnya terlalu jauh dan sukar untuk digapai dengan tangan. Memang gemerlap Kuala Lumpur sangat memukau, tetapi tidak semua dapat memiliki sekali gus berada di dalamnya.

ada masa lagi untuk mengambil tahu hal orang lain.

Biarkan mereka selesaikan masalah sendiri. Secara tanpa sedar juga membentuk diri menjadikan ringgit dan sen sebagai matlamat hidup.

Di sebalik bangunan tinggi yang puncaknya mencakar awan, di celah-celah lorong dan kakikaki bangunan banyak yang kais pagi makan pagi.

Banyak yang bertaraf miskin bandar. Tuntutan Kuala Lumpur bukan kecil. Sesuai dengan taraf kotanya, penghuni juga mesti menerima hakikat bahawa hidup adalah bekerja.

Penghuni Kuala Lumpur membuat berbagai-bagai pekerjaan yang boleh mendatangkan duit untuk menyara keluarga.

Malah ada yang membuat beberapa kerja dalam satu masa. Semua ini dilakukan bukan dengan suka-suka tetapi terpaksa kerana nilai duit menjadi semakin kecil di sebalik tuntutan yang semakin besar.

Walaupun begitu Kuala Lumpur terus menjadi tumpuan dari seluruh negara.

Kuala Lumpur terus menjadi lubuk rezeki walaupun pada masa yang sama tuntutan hidup lebih besar berbanding pendapatan.

Kuala Lumpur tidak pernah ditinggalkan kerana sifatnya yang sangat materialistik. Semua perkara tidak boleh dilakukan tanpa duit. Tetapi tidak semua pekerjaan memberikan duit yang setimpal dengan tuntutan hidup.

Pembinaan rumah kos sederhana terus mendapat sambutan. Tidak ada yang tidak terjual, kecuali

rumah kos mewah.

Maknanya pendatang dari luar Kuala Lumpur terus menaruh harapan masa depan. Walaupun ketika ini sangat perit, tetapi percaya keadaan itu menjadi sebaliknya. Begitulah harapan mereka.

Nampaknya kisah-kisah pahit tentang kehidupan di Kuala Lumpur tidak menjelaskan impian yang lain menjadikan kota raya ini sebagai lubuk rezeki.

Manusia mempunyai jawapan sekali gus kewajaran yang tersendiri dalam setiap pilihannya. Sama seperti memilih menjadikan Kuala Lumpur sebagai tempat perjudikan nasib.

Susah dan senang, kaya dan miskin, hitam dan putih adalah warna Kuala Lumpur.

Di sebalik jerih dan perih marhaen terungkap seperti ikan kelemasan, kapitalis tidak peduli asalkan untung. Roda kehidupan di Kuala Lumpur terus bergulir.



HALAMAN TERAKHIR DI BUKU DISEMBER

Sebelum melangkah ke laman baharu di penghujung sebuah perjalanan waktu hadir pelbagai pertanyaan untuk dirumuskan sebuah kesimpulan mencari pengalaman kebenaran dan berguru dengan kesilapan.

Disember ini sarat catatan bila kota estetika direndam oleh takungan awan yang hanyut melindungi cermin keindahan mencabar sabar yang yakin pada tafsiran kebijaksanaan di teluk pemikiran.

Bila tanah kota padat ruang nafasnya bagi terkutup yang pasrah dengan limpahan sebelum mengalir beredar mencari kuala di muara.

Hujan yang sementara bagi membasuh senja sese kali telah meninggalkan tanda tanya dari jawapan sebelumnya.

Akan berakhir Disember ini di suatu malam yang penuh rindu sambil menantikan loceng arloji sebagai petanda tersingkapnya, nasib dan takdir kita; pada buku usia!

Solihin Osman

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Bantuan cukup, usah kacau duit KWSP

KERAJAAN membuat keputusan muktamad tidak membenarkan sebarang pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui mana-mana skim yang pernah diperkenalkan sebelum ini seperti *i-Lestari*, *i-Sinar* dan *i-Citra*, sekali pun untuk mereka yang terlibat dengan banjir.

Ini ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Kenyataan beliau juga diulangi oleh Menteri Kewangan, Datuk Tengku Zafrul Aziz.

Bencana banjir yang melanda beberapa buah negeri, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, menimbulkan desakan kuat agar pencarum KWSP dibenar mengeluarkan simpanan sehingga RM10,000 melalui skim *i-Citra*.

Desakan ini, termasuk oleh para pemimpin politik, dengan alasan untuk meringankan beban mangsa banjir. Tetapi sebenarnya sebelum banjir pun, desakan seperti itu sudah kedengaran.

Namun menurut Ismail Sabri, dengan pelbagai bantuan diberi oleh kerajaan kepada yang terlibat banjir, tiada keperluan mengeluarkan caruman KWSP sehingga menjelaskan simpanan hari tua.

Bantuan dan insentif bersifat lebih menyeluruh diberi kepada mangsa banjir untuk memastikan pemberian berkenaan mampu meringankan beban mereka. Pemberian pula diberi pada kadar segera.

Untuk mereka yang rumah rosak teruk, kerajaan sendiri akan mengurus baik pulih dengan kos sehingga RM15,000.

Bagi rumah yang musnah dan tidak boleh diduduki, kerajaan memberi bantuan sehingga RM56,000 bagi setiap unit rumah baharu yang akan dibina.

Selain bantuan tersebut, kerajaan juga menghulur bantuan tunai sehingga RM5,000 bagi setiap keluarga mangsa banjir. Peruntukan ini untuk diguna bagi membaiaki rumah yang tidak rosak serius.

Menurut Perdana Menteri, keseluruhan pemberian tunai kepada mangsa banjir boleh mencapai sehingga RM10,000 bagi setiap isi rumah. Malah bagi yang rumahnya musnah sama sekali, bantuan yang diberi kerajaan boleh mencapai sehingga RM61,000.

Adi setuju dengan Ismail Sabri, berbekal pakej bantuan seperti ini tidak perlu bagi mangsa mengeluarkan caruman KWSP. Pencarum sebaliknya boleh mengekalkan simpanan serta menikmati dividen tahunan lebih tinggi.

Adi ucap syabas dan tahniah kepada Ismail Sabri atas ketegasan kerajaan tidak membenarkan lagi pengeluaran. Bagi Adi, keputusan itu tepat demi melindungi kepentingan



BANTUAN yang disalurkan kerajaan bersifat menyeluruh kepada mangsa banjir dan mereka yang berkelayakan untuk menerimanya. - Gambar hiasan.

pencarum sendiri. Tidak perlu kacau duit simpanan KWSP.

Sebelum ini kerajaan telah memberi kebenaran pengeluaran melalui *i-Lestari*, *i-Sinar* yang diperkenal pada 2020 dan *i-Citra* pada 2021. Matlamat skim tersebut adalah untuk membantu para pencarum yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Pandemik tersebut menyebabkan ramai hilang kerja dan hilang sumber pendapatan apabila banyak sektor ekonomi gulung tikar, atau dihenti operasi sehingga keadaan pulih untuk bangun kembali.

Kelonggaran pengeluaran melalui tiga skim adalah usaha membantu mereka yang terkesan demi kelangsungan hidup. Skim berkenaan adalah istimewa dan luar biasa kerana belum pernah berlaku sebelumnya.

Namun kelonggaran yang pernah diberi itu janganlah dianggap sesuatu yang mesti berterusan. Pada satu peringkat tertentu ia mesti berhenti demi kepentingan pencarum. Pengeluaran berterusan akan memberi kesan negatif kepada simpanan mereka untuk memenuhi keperluan selepas bersara.

Lebih banyak caruman dikeluar bermakna semakin menyusut jumlah caruman. Simpanan hari tua semakin berkurangan. Jika ditakdirkan Allah umur panjang, bagaimana harus mengharungi kehidupan diri dan keluarga dalam keadaan simpanan sudah hampir kering?

Pengeluaran tanpa dikawal juga boleh menyebabkan rizab KWSP juga turut menyusut. Ini boleh menjelaskan kapasiti pelaburan KWSP atau untuk meluaskan portfolio pelaburan. Akibatnya, pendapatan daripada pelaburan terjejas.

Jika perolehan pelaburan menyusut, agihan atau dividen kepada pencarum juga menyusut. Tentu ini bukan yang diharap oleh pencarum. Mereka sering berharap simpanan dalam KWSP akan memberi pulangan tinggi, terutama yang setia mencarum tanpa mengusik wang simpanan.

Kerana itu Adi percaya, sekali pun kerajaan memberi kelonggaran pengeluaran, ramai yang tidak berbuat demikian kerana berasa tidak perlu dan mampu bertahan. Mereka tidak mahu mencuit simpanan kerana sedar bukan senang untuk menambah kembali jumlah yang

“Bagi Adi, mereka yang bertahan tidak mengeluarkan caruman sedar keperluan kewangan pada masa hadapan serta tidak mahu simpanan menyusut.”

telah dikeluarkan.

Sebaliknya ada pula kelompok yang walaupun mampu bertahan, sengaja ghairah mengeluarkan simpanan kerana teruja dengan peluang di depan mata. Juga kerana terikut-ikut dengan mereka yang membuat pengeluaran kerana simpanan menyusut.

Bayangkan jika yang dikeluarkan itu mencecah ribuan ringgit, berapa lama masa diambil untuk mencarum jumlah yang sama. Sebaliknya jika tidak diusik, jumlah terus bertambah.

Tentu sahaja pihak yang mendesak pengeluaran tambahan di bawah *i-Citra* tidak puas hati dengan keputusan kerajaan, termasuk di kalangan pencarum sendiri. Ada yang mengkritik atau menghina perdana menteri semata-mata desakan mereka tidak dipenuhi.

Dalam konteks ini, Adi ucap syabas kepada Ismail Sabri yang dengan tenang berkata beliau tidak terjejas dengan segala kritikan, penghinaan atau makian yang dilontarkan kepadanya. Yang penting ialah melindungi kepentingan rakyat.

Para pencarum mungkin beranggapan kenapa perkara ini menjadi isu dan kenapa tidak benar mengeluarkan wang sendiri. Ini pandangan singkat yang sekadar ghairah mahu mengeluarkan wang tetapi tidak mahu menghayati kesan perbuatan itu. Kerana itu memang wajar kerajaan bertindak melindungi kepentingan mereka.

Kepada yang ghairah mendesak pengeluaran tambahan di bawah *i-Citra*, hayatilah statistik pengeluaran caruman sehingga Oktober 2021. Sejumlah RM101 bilion telah dikeluarkan melalui *i-Sinar*, *i-Lestari* dan *i-Citra*. Ini bukan sedikit.

Pengeluaran mungkin memberi manfaat untuk jangka pendek pada waktu pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tetapi kesan jangka panjangnya adalah serius. Ini kerana 6.1 juta ahli kini mempunyai kurang daripada RM10,000 dalam akaun mereka. Sejumlah 3.6 juta daripada jumlah ini pula mempunyai simpanan kurang

daripada RM1,000.

Kebanyakan daripada mereka adalah Bumiputera. Sebanyak 4.4 juta atau 54 peratus daripada golongan tersebut mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000 manakala dua juta atau 25 peratus pula kurang daripada RM1,000. Tidakkah angka ini menakutkan?

Adi difahamkan, kuantum asas dalam KWSP yang diperlukan oleh setiap pencarum bagi menikmati kehidupan selesa selepas usia 55 tahun ialah sebanyak RM240,000. Nyata ramai Bumiputera khususnya tidak mencapai aras ditetapkan ini.

Sedihnya dalam keadaan kritis ini pun, masih hingar suara mereka yang mahu dibenarkan lagi pengeluaran caruman. Perbuatan ini dilihat sebagai mencari populariti atau nama sahaja tanpa mempedulikan kebajikan pencarum.

Kini setelah kerajaan membuat keputusan muktamad tidak membenarkan lagi pengeluaran, Adi harap hentikanlah segera suara-suara desakan atau kritis terhadap kerajaan. Kerajaan pula mesti tegas mempertahankan keputusan ini agar di hari tua kelak pencarum ada dahan kukuh untuk bergantung.

Adi—Sudah tidak mencarum

- Adi Tuah

SAJAK

GADIS BERTUDUNG BIRU

Persimpangan jalan seorang gadis bertudung biru berwajah kusam tersangkut di tangan aneka bungkus untuk didagang mereka berlalu lintas lunasi sara hidup mulut perlu disuap ibu kesakitan ayah diperbaringan rancak ungkapannya bermain di bibir beli bang, beli kak, beli pak cik wajah penuh ceria mengira laba.

Hidup di kota permainan catur dipijak dan memijak silih berganti dua pilihan menyerang dan mati gadis bertudung biru tidak mengerti terus gagah menghayun langkah dalam dambaan ingin menjadi raja agar bertakhta di petak gelap bersinggahsana di petak putih terkadang tersangkut di tengah jalan dagangan dijaja disambar orang laba di kantung kini mengosong diperas ugt belati di leher renyah kehidupan di zaman global tidak janjian bulan jatuh ke riba gadis bertudung biru tunduk mengeluh hasil dagangan hampa musnah.

**Rar Rb
Muar Bandar Diraja**

SKETSA



Bantuan diserahkan selepas bincian dibuat agensi terlibat

YWP tidak pilih bulu dalam penyaluran sumbangan

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) menafikan dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan bincian dibuat secara ‘pilih bulu’ ke atas mangsa banjir di Kampung Pasir Baru, Lembah Pantai Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, YWP tidak pernah mengamalkan nepotisme dalam penyaluran bantuan atau sumbangan.

“Penerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) adalah berdasarkan senarai benci mangsa yang terlibat bencana.

“Kami tidak melihat latar belakang kaum atau politik apabila mengurus bantuan mahupun sumbangan untuk rakyat,” jelasnya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, bencana di Wilayah Persekutuan melibatkan dua keadaan iaitu banjir dan tanah runtuh.



ZAIZALNIZAM

“Mangsa yang terjejas ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan bincian dilakukan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Manakala mangsa yang terkesan tetapi tidak berpindah akan diuruskan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP). Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula ditugaskan untuk membuat bincian tersebut,” katanya.

Jelasnya, tugas YWP pada kali ini adalah untuk memastikan bantuan wang tunai sebanyak RM300 diserahkan kepada mangsa bersama BWI dan ia berdasarkan senarai nama yang telah disahkan DBKL.

“Secara keseluruhan semua senarai nama yang dibenci perlu disahkan oleh pihak DBKL terlebih dahulu sebelum bantuan dapat diagihkan.

“Di sini jelas bahawa YWP tidak terlibat dengan bincian penduduk yang terjejas banjir dan andaian bahawa YWP ‘memilih bulu’ dalam

urusan bincian mangsa adalah tidak benar,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi mana-mana warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat banjir dan tercicir daripada senarai penerima, boleh menghubungi pihak MPP untuk dibuat semakan semula.

4 Januari lalu, seorang pelayar Facebook memuat naik status ‘Yayasan Wilayah Persekutuan buat la bincian mangsa-mangsa yang betul. Jangan main pilih bulu’.

Kenyataan tersebut turut dimuat naik bersama poster yang memaparkan penyaluran sumbangan di Dewan MPP Kampung Pasir pada 31 Disember lalu.

Poster berkenaan memaparkan gambar Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan pegawai tugas-tugas khasnya, Datuk Ramlan Askolani. **WK**

SATU hantaran di Facebook mendakwa YWP memilih bulu dalam membantu mangsa terjejas banjir di Kampung Pasir Baru.

Yayasan Wilayah Persekutuan buat la bincian mangsa2 yang betul. Jangan main pilih bulu.



31.12.2021 | Jumaat | 10.30 Pagi
Dewan MPP Kampung Pasir

Mewakili Menteri Wilayah Persekutuan
YB Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim
YBhg. Datuk Haji Ramlan Haji Askolani hadir ke Program Bantuan Wang Ehsan Bencana Banjir Kampung Pasir Baru yang disumbangkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Yayasan Wilayah Persekutuan.

Hadir sama Pengurus Pejabat Kecil DBKL Kawasan Lembah Pantai En. Faizal Mahmood, serta Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Lembah Pantai.



14

BANM Youth Start Up Project dilancar, 300 belia diseru memohon

NAZWIN NAZRI

BAGI membantu golongan belia merealisasikan cita-cita dalam bidang perniagaan, BANM Capital melancarkan BANM Youth Start Up Project yang menawarkan peluang keusahawanan bernilai RM3 juta.

Pengasas yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Sherman Heng** berkata, pelaksanaan itu sejajar penubuhan BANM Capital untuk membantu golongan belia memulakan perniagaan.

Ujarnya, BANM Youth Start Up Project bakal menawarkan peluang keusahawanan bernilai RM3 juta kepada golongan belia se-

laras misi syarikat untuk memupuk bakat-bakat baharu, keusahawanan inovatif dan membantu golongan sasar memulakan perniagaan.

“Generasi masa kini adalah berani dan lebih suka cabaran, malah ada sesetengah mereka yang telah memulakan perniagaan ketika masih belajar atau sebaik sahaja tamat pengajian.

“Namun begitu, ramai di antara mereka yang tidak dapat menzahirkan impian akibat kekurangan ilmu tentang pasaran, cabaran keuangan dankekangan sumber,” jelasnya.

Oleh itu, katanya, warganegara Malaysia yang berumur antara

21 hingga 30 tahun, diseru untuk memohon BANM Youth Start Up Project.

Ujarnya, dengan menggunakan permintaan yang besar dalam bidang makanan dan minuman sebagai titik permulaan di samping perkembangan teknologi, data raya dan pelbagai sumber lain, pihaknya berharap golongan belia yang berminat dapat diberi bimbingan seterusnya berjaya sehingga mampu menembusi pasaran Asia Tenggara.

Tambahnya, butiran lanjut dan kelayakan yang diperlukan akan diumumkan dalam masa terdekat.

“Projek ini adalah antara langkah pertama yang diambil untuk membantu golongan belia. BANM Capital telah menyasarkan untuk membantu 300 belia memulakan perniagaan dalam jangka masa tiga tahun dan seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan serta keusahawanan di pasaran.

“BANM Capital dijangka akan membuat lawatan ke pusat-pusat pengajian tinggi dan kelab-kelab belia untuk mempromosikan projek dan pada masa sama mengenal pasti bakat-

bakat yang berpotensi.

“Syarikat juga akan menumpukan usaha untuk membangunkan jenama, mempertingkatkan khidmat layanan dan kualiti produk, membuka cawangan tambahan serta mengembangkan pasaran, untuk memberikan pengalaman yang

lebih baik kepada para pelanggan,” katanya.

Kepada mereka yang berminal untuk menyertai BANM Youth Start Up Project, sila hubungi Mr Foo di talian **018-3584403** atau menghantar permohonan di bit.ly/BANMstartup. **WK**



BANM Capital melancarkan program bagi membantu 300 belia merealisasikan hasrat perniagaan.

MORATORIUM BANTU USAHAWAN PMKS TERJEJAS BANJIR

Ditawarkan kepada usahawan PMKS yang mendapat pembiayaan di bawah MEDAC & terjejas banjir

INSTITUSI TERLIBAT

BANK RAKYAT	PUNB	SME BANK	SME CORP
Penangguhan 6 bulan kepada yang meminjam modal: Perbad-H Perumahan-H Kenderaan-I Sewa Beli Kenderaan-I Pendidikan-I Mikro-I Penangguhan bayaran keurungan bagi Pajak Gada-I	Moratorium 6 bulan Bergantung sejauh mana kesan banjir dihadapi	Pengecualian sewaan 2 bulan kepada penyewa di kompleks pembiayaan usahawan SME Bank yang terjejas Penjadualan semula & tarikan Dana Pemuliharaan Bencana sehingga RM50,000 dengan 6 bulan moratorium	Tawar 3 paket pembiayaan bagi membeli peralatan, baki pulih premis perniagaan & dana modal perniagaan, iaitu: SME Revitalisation Financing (SMERF) Soft Loan Scheme For Small and Medium Enterprise (SLSEM) SME Emergency Fund (SMEFF) Kesemua paket diberi moratorium pembayaran balik sehingga 6 bulan Peserta yang menyertai program ini turut diberi moratorium sehingga Jun 2022

Sumber: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar

Diterbitkan: 3 Jan 2022
Infografik Bernama

REALITI KEHIDUPAN

rodakota


7 - 13 JANUARI 2022 . BIL 149

Wilayah Ku

Angin desa di sebalik kota batu Putrajaya



Imbas kod
QR untuk
tonton video



Taman Warisan Pertanian diberi nafas baharu ketengahkan budaya setiap negeri



ABDUL AZIZ (kanan) melihat kawasan yang dikhaskan untuk penanaman nanas.

AINI MAWAWI
FOTO: SYUQQREE

BIARPUN dikenali sebagai pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan, namun di sebaliknya Putrajaya turut memiliki taman-taman indah yang begitu mendamaikan persis desa yang dirindui perantau di kota.

Antara destinasi yang menarik untuk diketengahkan adalah Taman Warisan Pertanian yang terletak di Presint 16, Putrajaya. Berkeluasan 35 ekar, keunikannya terletak pada ciri-ciri senibina Tradisional Melayunya.

Taman yang diambil alih oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) awal tahun ini diberi nafas baharu dan bakal dibuka semula kepada para pengunjung dengan pelbagai tarikan menarik pada Februari ini.

Menurut Naib Presiden Landskap dan Taman, **Abdul Aziz Buang**, keutamaan di sini adalah konsep tumbuh-tumbuhan komoditi seperti getah, kelapa sawit, lada hitam serta buah-buahan antaranya durian, rambutan, ciku dan sebagainya.

"Pengunjung boleh merasai sendiri kemanisan buah-buahan yang terdapat di sini menerusi pakej bersiar-

siar sambil diberi penerangan tentang buah-buahan tempatan yang ditanam kerana terdapat kira-kira 180 spesis.

"Bila mereka ikut pakej berpandu yang kita ketengahkan dengan harga yang berpatutan, mereka boleh memetik buah dan merasai sendiri kemanisannya tapi semuanya bergantung kepada musim juga," ujarnya.

Tambahnya lagi, biasanya pelancong dari luar negara begitu meminati sesi jelajah ke seluruh taman ini memandangkan mereka teruja dengan tanaman serta buah-buahan yang terdapat di Malaysia.

Ber cerita lanjut tentang taman ini, kedatangan pengunjung disambut oleh tiga jenis tumbuhan iaitu sireh, pkok susun kelapa dan pokok limau yang ditanam berhampiran laluan tangga ke Kompleks Pelawat sebagai simbolik kepada kaum Melayu, India dan Cina.

"Menariknya sebelum memulakan sesi jelajahan, pengunjung dapat menikmati aneka hidangan serta minuman yang disediakan di sekitar kawasan Penanggah. Konsep tempat makan ini adalah citarasa juadah dari setiap negeri di Malaysia.

"Terdapat lebih 20 buah gerai makanan yang akan menyajikan masakan yang enak pada setiap hari bermula seawal 8.30 pagi hingga 11 malam serta kedai serbanika yang menempatkan cenderamata dan sebagainya," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tidak sah seandainya pengunjung tidak berhenti seketika di pelantar pemandangan yang terdapat di sini bagi menikmati pemandangan indah panorama Putrajaya dari atas bukit.

"Dari sini kita akan dapat melihat lokasi tumpuan di Putrajaya seperti Masjid Putra, Dataran Putra, Kompleks Kerajaan Persekutuan serta Taman Putra Perdana sambil berkesempatan merakam foto," ujarnya lagi.

JEJAK MALAM

Aktiviti yang pasti ditunggu-tunggu oleh pengunjung adalah jejak malam dengan kumpulan kecil sekitar 20 orang.

Laluan berpandu ini membolehkan pengunjung merasai suasana angin malam yang nyaman.

"Sama seperti jejak ketika waktu siang bezanya pada malam hari suasana lebih indah dengan



PEMANDANGAN dari atas bukit pada waktu siang dan malam.

REAKSI PENGUNJUNG

"SEELOKNYA memandangkan tempat tu pun luas, tambah lah lagi gerai untuk berniaga di sana bagi mempelbagaikan variati juadah makanan yang ada... dulu selalu ke sini tapi hari tu tutup lama, ni dah buka balik bagus lah."

- MOHD IZAR MOHD ZULKEFLI

"DULU sebelum kononnya tutup 'renovation', 'best' bawa anak-anak minum makan sini. Kadang kena beratur tunggu meja kosong. Pilihan makanan pun pelbagai."

- SHAH KRUIZER

"TOLONG kembalikan ABC, coconut shake, bihun sup, ikan

bakar, roti john mcm dulu-dulu."

- NUR WAHIDA

"PATUT dikembalikan seperti dahulu. Banyak lot-lot kecil untuk peniaga seperti kios air. Sekarang nak beli air pun 'slow' sebab satu kedai ja.'Service' pun tak bagus.. Sebagai penduduk Putrajaya,

lokasi ini sebagai pilihan ke-10 saya."

- KHAIRUL AZWAN MAT RADZI

"KENAPA kerusi di tengah laman tu ditiadakan, yang itulah antara penarik orang ke sini. Singgah haritu.. alahai suramnya. PPj, tindakan drastik perlu. Jangan

sampai orang fikir tempat ni tak wujud."

- JE DI

"10 tahun dulu punya meriah sini. Sekarang suram ya amat, pengurusan teruk..."

- KYLIE ZUHAIR

pencahayaan lampu. Kalau duduk atas bukit tu, pemandangan lebih menakjubkan selain daripada cuaca lebih sejuk berbanding siang yang agak panas.

"Kita juga menambah lampu bawah pokok untuk memberikan kesan lebih dramatik kepada pengunjung. Apabila ia dimulakan kelak saya pasti sambutan yang diterima amat menggalakkan," ujar beliau.

Pengunjung yang singgah ke rumah pekebun kecil yang merupakan replika sebuah rumah Melayu yang dikelilingi taman herba berpeluang berehat sebentar sambil melakukan aktiviti berkumpulan.

"Sambil melepaskan lelah, di sini mereka dapat berehat sebentar sambil berbukti menikmati keenakan ayam panggang dan sebagainya sambil bergurau senda dengan rakan-rakan yang lain sebelum meneruskan perjalanan pulang.

"Saya pasti ini akan menjadi momen yang indah dan akan dirindui. Tidak mustahil mereka akan kembali untuk merasai lagi suasana seperti itu pada masa akan datang," ujar Abdul Aziz lagi. WK

SUASANA makan di rumah pekebun kecil yang akan disediakan menerusi pakej tertentu.



SUASANA pada waktu malam lebih mempersonalakan.

INFO TAMAN WARISAN PERTANIAN PUTRAJAYA

Lokasi : No. 7, Jalan P16, Presint 16, Putrajaya

Hubungi kami : 03 - 88877772 / 012 - 7755973

Emel : twp@pulsegroup.com.my

OPERASI

Dusun : 8.30 pagi hingga 5.30 petang
Penanggang : 8 pagi hingga 11 malam



KAKITANGAN PPj sedang mendemonstrasikan cara menoreh pokok getah.

Tanaman getah dan padi gamit memori

BERPELUANG mengikuti sesi lawatan ke Taman Warisan Pertanian, Putrajaya baru-baru ini, penulis bersa cukup teruja kerana ia seolah-olah menggamit memori wakti penulis kecil dahulu ketika di kampung halaman yang terletak di Pahang.

Sambil berjalan menjelajah kawasan taman tersebut seawal pukul 9 pagi, penulis dapat melihat serta merasai suasana nyaman sambil melihat angsa berlari-lari dan ikan air tawar seperti tilapia, lampam dan sebagainya berenang bebas.

Bagi penulis, semua lokasi yang terdapat di taman tersebut mempunyai tarikannya yang tersendiri. Namun yang paling memikat hati adalah tanaman getah yang berkeluasan sembilan ekar.

Plot getah yang terdapat di dalam dusun ini merupakan kawasan asal ladang getah Estet Prang Besar iaitu tapak awal sebelum pembangunan Putrajaya. Ladang getah ini mengandungi plot getah asal serta tanaman semula yang mengandungi 1,500 pokok getah dewasa dari 71 klon.

Teringat waktu kecil dahulu penulis pernah mengikuti arwah nenek pergi menoreh getah. Kenangan tersebut kembali mengimbau memori lebih-lebih lagi disini turut terdapat bangsal memproses getah keping.


Ia digunakan sebagai demonstrasi menoreh, memungut lateks, memproses menjadi kepingan getah dan memasukkan ke dalam rumah asap bagi dijadikan getah keping.

Selain itu, penulis juga gembira kerana berpeluang melihat tanaman padi. Biarpun kawasannya terhad namun lengkap dengan tiga keadaan iaitu padi yang sedang menghijau, baru ditanam serta sedang masak.

Selain itu, jualan produk agro dan pertanian dengan harga yang berpatutan begitu menarik perhatian penulis lebih-lebih lagi kerana rasa buah-buahannya yang manis dan segar.

Dapat penulis simpulkan di sini, orang ramai wajib datang ke sini bagi merasai sendiri keindahan dan ketenangan desa lebih-lebih lagi mereka yang tidak lagi mempunyai kampung halaman.





TIDAK mengira waktu... Datuk Seri Dr Shahidan Kassim meluangkan masa menyantuni mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SMK Seri Pengkalan, Alor Gajah, Melaka, pada 3 Januari 2022 jam 11.15 malam.

Misi kemanusiaan Wilayah Persekutuan tanpa sempadan



AMIN FARIJ HASAN

CUBIT paha kiri, paha kanan terasa sakitnya. Itulah perumpamaan yang digambarkan dengan misi bantuan banjir ke selatan tanah air oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bersama agensi-agensi di bawahnya yang diterajui Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Konsep Keluarga Malaysia yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, disambut baik Kementerian Wilayah Persekutuan dalam menghulurkan

bantuan bencana banjir melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga Perbadanan Putrajaya yang mempunyai kepakaran, tenaga kerja serta jentera yang lengkap tidak kira di mana sahaja.

Di mana ada bencana di situ ada misi bantuan kemanusiaan yang seharusnya tiada sempadan mengikut amalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

"Permudahkan urusan mereka, *insya-Allah* Allah akan permudahkan urusan kita" inilah kata-kata hikmah yang seringkali diucapkan beliau.


Wilayah Prihatin Wilayah Ceria, Tempat letaknya ibu negara, Negeri-negeri Malaysia dilanda bencana, Kami bantu Keluarga Malaysia. **W.K**



KELIHATAN mangsa banjir duduk bersantai mengenang nasib yang menimpa mereka.



Dengan menghulurkan bantuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim juga meluangkan masa mendengar keluhan mangsa dalam menghadapi bencana yang menimpa mereka, bertempat di Alor Gajah, Melaka.



BARISAN petugas kakitangan perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut ditempatkan di lokasi PPS.



Konsert Nafas Cinta Khai Bahar, ubati kekecewaan peminat



DEEL ANJER

PENYANYI popular Khai Bahar ubati kekecewaan peminat apabila bakal menjayakan Konsert 'Nafas Cinta' Khai Bahar pada 12 Februari ini.

Sebelum ini, umum mengetahui konsert sulung Khai Bahar yang dijadual berlangsung pada Mac tahun lalu dibatalkan malah ia tertunda lebih setahun akibat penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Konsert anjuran syarikat Nova Music itu bakal diadakan di Petaling Jaya Performing Arts Centre (PJ PAC), 1 Utama Shopping Centre, Bandar Utama.

Khai atau nama sebenarnya Muhammad Khairul Baharuddin yang popular menerusi lagu Bayang, Dari Jauh Saja, Luluh dan banyak lagi berkata, dia teruja dan terharu apabila pihak Nova Music memilih dirinya untuk menjayakan konsert tersebut.

"Saya percaya setiap apa yang terjadi itu pasti ada hikmah di sebaliknya. Alhamdulillah, saya mendapat tawaran daripada pihak Nova Music yang mahu menganjurkan konsert saya."

"Kata orang, besar tapak tangan nyiru saya tадahkan. Pelawaan itu saya anggap rezeki dan selepas perbincangan, pasukan saya bersetuju untuk membuat konsert 'Nafas Cinta' Khai Bahar ini," katanya.

Menurut pemenang tiga kali kategori Penyanyi Lelaki Popular ABPBH ini, pengajuran

konsert diharap dapat mengubat kerinduan dan kekecewaan peminatnya.

"Diakui ramai sedih dan kecewa apabila konsert yang sepatutnya berlangsung di Istana Budaya dibatalkan. Namun, dengan kehadiran Konsert 'Nafas Cinta' Khai Bahar ini saya harap dapat mengubat kesedihan mereka. Saya bersama pasukan dan pihak pengajuran akan cuba memberikan yang terbaik."

"Biarpun lokasi persempahan tidak dapat memuatkan jumlah yang ramai, sekurang-kurangnya impian dan hasrat saya serta peminat untuk menjayakan persempahan berskala besar tercapai," ujarnya lagi.

KENAPA KHAI BAHAR?

Sementara itu, penerbit dan

pengajur konsert, Rosmin Hashim berkata, pemilihan Khai adalah tepat. "Kenapa Khai? Ini kerana dia antara penyanyi muda yang banyak lagu hits dan berjaya selain mempunyai peminat yang ramai."

Selain Khai, konsert ini menampilkan naib johan Anugerah Juara Lagu ke-35, Aina Abdul dan 'Ratu Soundtrack', Adira Suhaimi sebagai penyanyi jemputan.

Tiket konsert secara fizikal yang dijual dengan harga RM189.90 boleh mula dibeli sekarang di ONETIX dengan melayari <https://onetix.com.my> manakala tiket tontonan konsert secara virtual yang dijual dengan harga RM69.90, RM79.90 dan RM89.90 boleh dibeli dengan melayari <https://www.cloudtheatre.com.my>.



Denden Gonjales, Search satukan dua negara

AKHIRNYA penyanyi dari Indonesia, Denden Gonjales, 38, dipilih sebagai penyanyi baru kumpulan Search dalam projek kolaborasi antara dua negara.

Di Indonesia, Denden semakin dikenali apabila pernah bekerjasama dengan penyanyi popular negara itu seperti Inka Christie dan Judika.

Malah, Denden juga mencuri tumpuan dunia berikutan aksinya di 'blind audition' program The Voice Bulgaria di mana dia membuat juri terpukau ketika menyanyikan lagu She's Gone nyanyian asal Steelheart.

Pemain gitar Search, Noordin Mohd Taib berkata, kemampuan Denden menyanyikan lagu bernada tinggi amat sesuai dengan genre muzik Search.

"Search memilih dia kerana suaranya dan dia boleh menyanyikan lagu bernada tinggi dan amat sesuai dengan Search."

"Dengan usia yang masih muda, kami yakin dia boleh membawakan lagu-lagu Search dengan baik. Usia yang cukup sesuai untuk kemuncak prestasi," katanya.

Selain Noordin dan Kid di posisi gitar serta Denden sebagai penyanyi, Search juga mengumumkan pemuzik berpengalaman luas iaitu Yan sebagai pemain bass mereka.

Dalam perkembangan lain, Search juga mengorak langkah dengan membuka kedai Search Rock Station di Kompleks Campbell, Kuala Lumpur yang mula beroperasi pada 31 Disember 2021.

Noordin berkata,

Search Rock Station adalah kedai yang menjual barang cenderahati rasmi Search seperti t-shirt, kasut, topi dan macam-macam lagi.

"Ia juga menjual alat muzik seperti gitar serta menawarkan proses jual beli gitar di situ. Ada juga gitar milik saya dan Kid yang diletakkan di situ sebagai pameran."

"Ini termasuk pelbagai barang koleksi peribadi saya dan Kid yang turut dijual dan dipamerkan," katanya.

Dalam masa sama, Search turut melancarkan laman web rasmi mereka iaitu www.fenomenasearch.com.

Laman web ini akan dijadikan sebagai platform rasmi Search yang membolehkan peminat mengetahui apa sahaja mengenai Search.



DENDEN bersama Search

Kembalilah kepada al-Quran – Ustaz Ashraf

PENDAKWAH bebas yang juga penyampai radio Zayan FM, Ustaz Ashraf Suarin mengaku seronok berdakwah menerusi radio.

Dia yang mengendalikan segmen Zayan Hujung Minggu Bersama Ustaz Ashraf Suarin berkata, dia menggunakan platform radio sebagai satu saluran dakwah terbaik.

Katanya, kandungan yang dibawakan dalam segmen terbabit adalah sentuhan hati dengan mendengar luahan rasa daripada pendengar.

"Cabar hidup yang terpaksa kita lalui hari ini tanpa adanya sokongan akan melemahkan semangat dan tidak mustahil tanpa berfikir panjang akan bertindak di luar dugaan."

"Jadi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, kembalilah kepada ajaran Islam berpandukan al-Quran dan sunnah yang menyediakan panduan lengkap untuk kehidupan di dunia dan akhirat."

"Aduan yang saya terima ialah kesusahan hidup terutamanya selepas dunia dilanda pandemik COVID-19, perceraian dan putus kasih. Mereka ini perlu diberi motivasi supaya tidak tersalah langkah kerana kebelakangan ini ramai yang hilang punca sehingga bunuh diri," katanya.

Beliau kini bersiaran secara langsung di Zayan (Zayan FM) pada Sabtu (1 tengah hari hingga 6 petang) dan Ahad (6 pagi hingga 11.30 pagi), menerusi program Zayan Hujung Minggu.

Kata Ustaz Mohd Ashraf, sebagai pendakwah beliau bertanggungjawab untuk membawa umat Islam ke jalan kebenaran. Masyarakat sekarang terutamanya golongan muda lebih tertarik dengan kandungan kreatif, maka perlunya pendekatan dakwah yang lebih santai dan interaktif.

"Sebelum ini saya menulis buku, memberi motivasi kepada pelajar sekolah dan remaja bermasalah. Untuk mendekatkan diri dengan anak muda, kita perlu ikut trend yang mereka suka."

"Ini juga mendorong mereka melayari media sosial untuk perkara yang berfaedah. Para pendakwah tidak lagi boleh terlalu formal tetapi perlu berfikiran dan bersikap terbuka."

"Sekarang pun semakin ramai ustaz berdakwah menggunakan Tik Tok. Pendakwah juga bukan penghukum tetapi sebagai 'jurupandu' kepada mereka."

"Ramai di antara kita tidak faham konsep dakwah yang sebenarnya dengan terus menjatuhkan hukuman. Tegurlah dengan lembut dan berhikmah namun masih dalam ketegasan," katanya yang juga pengetua Pondok Hamlatul Quran (PMHQ) yang terletak di Tanjung Karang, Selangor.



USTAZ ASHRAF berdakwah menerusi radio Zayan FM.

Air naik hingga paras dada, sembilan jam bertarung nyawa



HAZIRAH HALIM

KETIKA orang ramai sedang lena diulit mimpi, tiga beranak ini berdepan situasi getir apabila kawasan kediamannya mula dinaiki air banjir pada Sabtu (18 Disember) lalu.

Paras air yang meningkat secara mendadak menyebabkan keadaan berubah menjadi kucar-kacir diiringi tangisan dan jeritan pertolongan untuk menyelamatkan diri dan keluarga masing-masing.

Berkongsi detik cemas tersebut, **Zariah Yub Shamsuddin**, 49, berkata dia sekeluarga hanya mampu menyelamatkan diri dan beberapa barang peribadi sebelum hanyut dibawa arus.

"Air meningkat dengan sangat cepat sehingga paras bumbung. Ketika itu, akak genggam tingkap sekuturnya sambil istighfar kepada Allah manakala abang (suami) dan anak pula melaungkan azan.

"Tiba-tiba tingkap itu pecah, bot yang dinaiki kami pun bergoyang. Kami tidak terdaya untuk menahan dengan keadaan yang sangat gelap beserta deruan air dan hujan yang sangat lebat.

"Kami hanyut dibawa arus jauh daripada kawasan rumah tetapi saya nampak ada satu kereta menyalia sedang berpusing-pusing dalam air. Saya rasa bersyukur sangat ketika itu kami sudah berada jauh daripada kawasan tersebut, jika tidak mungkin kereta itu akan menghentam kami sekeluarga," kongsinya yang telah mendiami rumah itu selama 17 tahun.

Katanya, untuk mengelakkan anaknya ketakutan dan trauma, dia meminta anaknya tidur di dalam bot tersebut dengan keadaan yang masih cemas.

“ Kami hanyut dibawa arus jauh daripada kawasan rumah tetapi saya nampak ada satu kereta menyalia sedang berpusing-pusing dalam air. Saya rasa bersyukur sangat ketika itu kami sudah berada jauh daripada kawasan tersebut, jika tidak mungkin kereta itu akan menghentam kami sekeluarga. ”

Saya tidak mahu dia menjadi trauma jadi saya memintanya untuk tidur. Oleh kerana sakit terkena air hujan, saya selimutkan dia dengan tuala dan tikar getah yang sempat diambil oleh suami.

Dalam keadaan huru-hara, saya hanya fikir untuk menyelamatkan keluarga dan diri sahaja tetapi keadaan menjadi senyap secara tiba-tiba selepas pukul 2 pagi. Ketika itulah, saya membayangkan filem *Titanic* dan ternampak satu Cahaya sahaja di hadapan tanpa mengetahui lampu itu datang daripada mana," katanya yang berada dalam ketakutan kerana menyaksikan sendiri rumahnya runtuh akibat arus banjir.

Menurut Zariah, sebelum kejadian berlaku dia sepatutnya menyambut kedatangan ahli keluarganya daripada Ipoh, Perak namun ia tidak kesampaian apabila dimaklumkan oleh adiknya bahawa jalan untuk masuk ke Batu 18 telah ditutup akibat dinaiki air.

Meskipun telah hilang segalanya dalam sekejap mata, dia sudah redha dengan ujian yang menimpa malah berasa gembira serta bersyukur kerana masih ada pihak yang mendoakan keselamatan keluarganya. WK



WARTAWAN menonton video deruan air yang sempat dirakam oleh Zariah ketika hujan lebat.



KEADAAN di kawasan rumah Zariah yang musnah akibat dihanyutkan kepala air pada malam 18 Disember lalu.

Bil cukai tanah dan cukai petak online mulai tahun ini

BERMULA 1 Januari 2022, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) tidak lagi melaksanakan urusan penghantaran bil cukai tanah dan bil cukai petak kepada pemilik melalui kiriman pos.

Semua pemilik disarankan untuk menyemak serta mengemaskini maklumat perhubungan, nombor telefon dan e-mel melalui Portal PPTGWPKL di www.ptgwp.gov.my (e-Bayar) atau Portal Awam e-Tanah di pautan berikut <https://www.ptgwp.gov.my/portal/web/guest/awam-landing-page> bagi mendapatkan

maklumat berkenaan cukai secara digital.

Melalui portal-portal ini juga, pemilik boleh menyemak, mencetak bil dan membuat bayaran cukai tanpa perlu hadir secara fizikal ke kaunter.

Usaha ini merupakan langkah proaktif PPTGWPKL dalam melaksanakan urusan-urusan perkhidmatan secara tanpa kertas dan tanpa tunai bagi meningkatkan kualiti



perkhidmatan kepada para pelanggan.

Pengeluaran dan pembayaran bil secara dalam talian ini juga merupakan usaha untuk memastikan para pelanggan sentiasa merasa mudah, selamat dan cepat semasa mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan ini. Inisiatif ini juga sebagai salah satu langkah pengadaptasian kepada norma baharu bagi pencegahan

penularan virus COVID-19 dalam negara.

Menerusi pembayaran tanpa tunai, para pemilik juga boleh membuat bayaran melalui perbankan internet menerusi saluran Maybank2U, CIMBClicks, RHB Online dan JomPAY.

Bagi pemilik yang berhasrat untuk membayar bil cukai tanah dan bil cukai petak secara tunai di kaunter, pemilik hanya perlu mencetak bil cukai daripada Portal PPTGWP dan menjelaskan bayaran di mana-mana kaunter bayaran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kaunter bayaran Pos Malaysia dan juga kaunter

Bahagian Hasil di PPTGWPKL.

Pemilik-pemilik tanah dan strata di Kuala Lumpur juga dinasihatkan untuk menjelaskan semua bayaran cukai tahunan tersebut selewat-lewatnya sebelum atau pada 31 Mei 2022, bagi mengelakkan penalti denda lewat.

Selain itu, kegagalan menjelaskan cukai tahunan mengikut tempoh yang ditetapkan turut boleh mengakibatkan hakmilik tanah atau hak milik strata tersebut dilucutkan hak.

Disediakan Oleh:
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan



HAZIRAH HALIM

HAI semua pembaca akhbar *Wilayahku!* Setiap kali tiba tahun baharu pasti kita akan menyimpan sesuatu azam seperti yang sering didengari mahu memulakan gaya hidup sihat atau mengamalkan pemakanan seimbang.

Edisi kali ini, **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** bersama **Chef Hasna** ingin kongsikan menu sihat iaitu resipi *overnight oat* yang mengandungi kandungan serat, vitamin dan mineral yang tinggi.

Antara khasiat oat ialah kaya dengan nutrisi, dapat merendahkan tahap kolestrol, mengurangkan kandungan gula dalam darah serta menurunkan berat badan. Ia amatlah sesuai untuk mereka yang sedang diet. Selamat Tahun Baru dan selamat mencuba! **WK**

Menu sihat Overnight Oats

Overnight Oats Blueberry Chocolate

AIR TANGAN BONDA
DATIN SERI SHAMSIAH

BAHAN-BAHAN

- 1 cawan *rolled oat*
- 1 sudu besar *chia seeds*
- 1 cawan susu
- 1/2 cawan yogurt asli
- 1 sudu besar koko
- 2 sudu besar gula *lakanto*
- Buah blueberry

CARA PENYEDIAAN

1. Masukkan oat, *chia seeds*, susu dan yogurt.
2. Kacau sebatи dan masukkan buah blueberry, gula dan serbuk koko.
3. Kacau sehingga rata. Kemudian, masukkan ke dalam botol dan simpan di dalam peti sejuk sekurang-kurangnya semalam.
4. *Overnight Oats Blueberry Chocolate* siap untuk dihidang.



Strawberry Honey Overnight Oats



CHEF HASNA

BAHAN-BAHAN

- 1 cawan *rolled oat*
- 1 sudu besar *chia seeds*
- 1 cawan susu
- 1/2 cawan yogurt asli
- 2, 3 biji strawberry dipotong dadu

- 2 sudu besar madu
- Kacang *pistachio*

CARA PENYEDIAAN

1. Masukkan oat, *chia seeds*, susu dan yogurt ke dalam mangkuk.
2. Kacau sehingga sebatи. Kemudian, masukkan buah strawberi dan madu serentak.
3. Kacau rata dan masukkan ke dalam botol.
4. Biarkan semalam di dalam peti sejuk, kemudian sedia untuk dinikmati.



Dua resipi ringkas makanan diet



SABRINA SABRE

MENCARI resipi masakan diet yang sedap?

Semasa berdiet, semestinya anda ingin menikmati hidangan yang masih enak tanpa perlu memaksakan tekak untuk menelan sayur-sayuran semata-

mata. Tetapi, bolehkah makan sedap-sedap semasa diet?

Semestinya ya, jika kena dengan caranya. Untuk itu, berikut akhbar *Wilayahku* senaraikan dua masakan diet yang sesuai untuk anda. Selamat mencuba! **WK**

Puding Roti Sos Vanila

BAHAN PUDING


- 2 keping roti mil penuh dipotong kecil-kecil
- 200 ml susu segar
- 1 biji telur
- Madu atau stevia
- Kismis
- Cranberry kering atau kekacang

BAHAN SOS VANILA

- 200 ml susu segar
- 1 biji telur
- Madu atau stevia
- Esen vanila

CARA PENYEDIAAN

1. Untuk bahan puding, kacau semua bahan kecuali roti.
2. Kemudian, curahkan ke atas roti.
3. Taburkan kismis, cranberry kering atau kekacang.
4. Bakar pada suhu 180 °C selama 30 minit.
5. Untuk sos vanila, masak semua bahan atas api hingga sedikit pekat.
6. Sejukkan sebelum dihidang.
7. Sedia untuk dihidang.



Salad Buah-buahan

BAHAN-BAHAN

- 1 biji buah pelam
- 2 biji epal hijau
- 2 biji epal merah
- Kismis hitam (jumlah ikut kesukaan)
- Anggur
- ½ tin susu cair
- 1 yogurt rendah lemak perisa strawberry
- 5/6 sudu mayonis buah-buahan

CARA PENYEDIAAN

1. Campurkan kesemua bahan-bahan dan Gaulkan sebatи.
2. Sedia untuk dihidang.



DIANA AMIR

PENGHJUNG tahun 2021 dan permulaan tahun 2022 kita dikejutkan dengan bencana alam yang berlaku di sekitar semenanjung seperti banjir dan tanah runtuhan.

Banjir di Pahang jelas menunjukkan kesan daripada aktiviti pembalakan yang berlaku sama ada secara haram atau berlesen. Puluhan rumah musnah akibat dibawa arus deras dan dipukul oleh kayu balak yang dibawa banjir.

Minggu ini, *Wilayahku* kongsikan empat filem berkaitan kerosakan alam sekitar dan kepentingan dalam menjaganya. **WK**



#4 Bee Movie

Pengarah: Simon J. Smith, Steve Hickner
Pelakon: Jerry Seinfeld, Patrick Warburton, Renee Zellweger

FILEM animasi keluarga ini mengisahkan Barry, seekor lebah yang berkawan dengan seorang manusia, Vanessa. Mengikuti Vanessa ke pusat beli-belah, Barry mengetahui bahawa madu yang dibuat oleh lebah telah dicuri manusia. *Honey Farm* merupakan syarikat memproses madu yang sanggup merosakkan alam sekitar demi mendapatkan madu segar.

Cerita ini juga berkisar mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Sikap tamak yang ada pada perusahaan madu tersebut akhirnya merosakkan alam sekitar dan habitat lebah seterusnya menyebabkan tiada lagi madu dapat dihasilkan akibat kepupusan lebah.



Kerosakan alam sekitar, rasai kesannya melalui empat filem ini

#1 Before The Flood

Pengarah: Fisher Stevens
Pelakon: Leonardo DiCaprio, Barack Obama, John Kerry

MENCERITAKAN kisah perubahan iklim akibat tindakan manusia yang memberi kesan kepada alam sekitar dengan beberapa bukti yang telah berlaku kini. Filem ini juga memaparkan bagaimana kerajaan dunia tidak percaya kepada perubahan iklim dan menentang pandangan para ilmuwan tentang perubahan iklim.

Walaupun ia dikeluarkan pada tahun 2016 namun filem ini masih dan akan terus relevan dengan krisis iklim dunia.



#2 A Plastic Ocean

Pengarah: Craig Leeson
Pelakon: Craig Leeson, Tanya Streeter, Jo Ruxton

DOKUMENTARI ini menunjukkan realiti di mana sisa plastik yang banyak memasuki lautan, merosakkan rumah untuk penduduk marin, mengubah rantai makanan dan menyebabkan kematian haiwan laut.

Pengembara Craig Leeson dan Tanya Streeter bekerjasama dengan pasukan saintis dan penyelidik antarabangsa untuk mengungkap sejumlah besar sisa plastik yang berada di lautan dan pantai merangkumi 20 lokasi selama empat tahun.



WHO PAYS THE PRICE FOR OUR CLOTHING?



THE TRUE COST

ASSOCIATED LIFE IS MY MOVIE ENTERTAINMENT • UNTOLD • PRODUCED BY ANDREW MORGAN 'THE TRUE COST'
WRITTEN BY LAURA PIETR • DIRECTED BY MICHAEL FLOWE • PRODUCED BY LORNA FRIED, LOY SIEGLE, VINCENT VITORIO, CHRISTOPHER L. HARVEY,
MICHAEL BLOCKENSTAD • EDITED BY MICHAEL ROSS • PRODUCED BY ANDREW MORGAN

TRUECOSTMOVIE.COM

#3 The True Cost

Pengarah: Andrew Morgan
Pelakon: Stella McCartney, Vandana Shiva

THE TRUE COST merupakan sebuah filem kewartawanan penyiasatan oleh Andrew Morgan yang mendedahkan penyumbang utama pencemaran, sisa dan penggunaan ialah industri fesyen. Ini adalah mengenai kos pembuatan pakaian manusia, mendedahkan gaji rendah dan rawatan buruk kepada pekerja.

Dokumentari selama 92 minit ini mengisahkan pekerja kilang pakaian di Bangladesh dan Kemboja. Sistem perniagaan runcit yang lemah dan model dalam bidang fesyen membuat pekerja menanggung penderitaan pakaian murah. Bermula dari proses dan penggunaan bahan yang tidak selamat untuk kesihatan dan alam sekitar.



Antara selera dan kesihatan

Oleh Sakini Mohd Said

PASTI ramai yang berdepan dengan situasi sebegini - perasaan berbelah bahagi sama ada mahu memenuhi keinginan selera atau mendahulukan kesihatan.

Ini yang sering berlaku kepada **Nor Athirah Zainol**, 37, setiap kali mendengar keinginan ibunya yang menghidap diabetes untuk menikmati teh tarik yang menjadi minuman kegemarannya setiap hari.

Ibarat ditelan mati emak, diluh mati bapa apabila memikirkan permintaan tersebut, terutama apabila ibunya merajuk sehingga kadangkala membawa kepada pergaduhan selepas permintaannya tidak dilayan.

"Mungkin bagi orang lain ini adalah isu remeh... tapi untuk saya dan adik-beradik yang berhadapan dengan ahli keluarga sakit diabetes, ini menjadi satu tekanan kepada kami."

"Kami adik-beradik dalam dilema, takut dilabelkan sebagai anak derhaka kalau tidak memenuhi permintaan ibu, tapi pada masa sama bimbang dengan diabetesnya yang sebelum ini pernah mencapai 27 mmol/L bacaan paras gula dalam darah sehingga dimasukkan ke wad," menurut penjawat awam itu ketika dihubungi baru-baru ini.

Realitinya, isu ini tidak hanya melingkari warga emas tetapi turut dihadapi generasi muda. Misalnya kawan saya sendiri Keme yang sudah berbuih mulut menasihati rakan baiknya Syiq, agar berhenti mengambil minuman manis secara keterlaluan.

Tidak mahu rakannya sejak zaman belajar itu menghidap diabetes, Keme jenuh memberikan pelbagai nasihat, tetapi Syiq tetap meneruskan tabiat buruknya dengan setiap hari menikmati 'teh tiga layer' (diperbuat daripada air gula melaka di lapisan paling bawah, diikuti susu dan akhir sekali teh) ataupun air bandung.

BUKAN NEGARA SIHAT

BOLEH dikatakan masih ramai lagi bersikap acuh tidak acuh serta memandang remeh perihal kesihatan mereka.

Ini dapat dilihat apabila majoriti ahli masyarakat masih gemar meneruskan 'budaya makanan sedap' yang tinggi kandungan lemak serta gula, dan keadaan ini merupakan sesuatu yang membimbangkan, kata Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh kepada Bernama.

Lihat sahaja di pasaran sekarang. Pelbagai jenis minuman dengan resipi menarik, kononnya untuk

“Lihat sahaja di pasaran sekarang. Pelbagai jenis minuman dengan resipi menarik, kononnya untuk kelainan, sentiasa muncul menggantikan selera pengguna, dan yang pasti, setiap satu mempunyai kandungan gula yang tinggi.”

kelainan, sentiasa muncul menggantikan selera pengguna, dan yang pasti, setiap satu mempunyai kandungan gula yang tinggi.

Contohnya, ramai yang sanggup beratur agak lama semata-mata ingin mendapatkan secawan teh susu atau nama hipsternya 'teh bubble', 'teh boba' atau 'teh pearl milk' walaupun harganya agak mahal antara RM10 dan RM15 secawan.

Minuman itu dipanggil teh boba walaupun pada asasnya cuma minuman teh susu yang diletakkan bebola ubi kayu atau tapioka yang memiliki tekstur kenyal dipanggil boba. Minuman ini biasanya diolah dengan gula perang bagi memberikan rasa lemak manis dan warna hitam.

Begitu juga dengan berbagai jenis makanan atau pencuci mulut yang boleh didapati di pasaran. Tidak kisahlah sama ada yang tinggi kandungan gula ataupun garam, pengambilan berterusan dalam jangka masa panjang pastinya mendedahkan si pemakan kepada risiko penyakit tidak berjangkit (NCD).

TERUS UNGGUL

JUSTERU, tidak menghairankan apabila diabetes yang merupakan antara NCD, terus mengungguli masalah utama kesihatan di Malaysia dengan satu daripada lima orang dewasa di negara ini mengalami penyakit itu dengan risiko komplikasi serius.

Keseriusan penyakit ini dapat dilihat apabila Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melabelkan diabetes sebagai 'resipi kepada penyakit' yang kini menjadi pembunuhan nombor satu di Malaysia.

Ini kerana diabetes menjelaskan organ seperti mata, buah pinggang dan sistem saraf seseorang penghidap yang akan disusuli komplikasi lain seperti tekanan darah tinggi dan serangan jantung.



KADAR kandungan gula, tekanan darah dan kolesterol tinggi faktor utama penyakit kardiovaskular seperti penyakit jantung.



MAJORITI ahli masyarakat masih gemar meneruskan 'budaya makanan sedap' yang tinggi kandungan lemak dan gula.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin pada November lepas dipetik oleh media sebagai menganggap Malaysia bukan negara sihat kerana jumlah rakyat yang menghidap penyakit jantung dan mengalami obesiti adalah tinggi.

"Kalau tanya saya sebagai menteri, adakah Malaysia negara sihat sekarang? (Jawapan saya) Tidak. Kita antara negara dengan kadar tertinggi dari segi obesiti, sakit jantung, dan antara penyebab kematian COVID-19 di negara ini adalah kerana sebahagian besar pesakit mengalami komobiditi atau (menghidap penyakit) kronik," katanya.

Penyakit jantung iskemik kekal menjadi penyebab utama kematian di Malaysia pada 2020 dengan 18,515 kes daripada keseluruhan 109,155 kematian yang disahkan secara perubatan.

Malah, penyakit itu menjadi sebab kematian utama di negara ini sejak lebih dua dekad lepas dengan peningkatan ketara daripada 11.6 peratus pada 2000 kepada 17 peratus pada 2020 dengan kematian atau 68.6 melibatkan lelaki dan baki peratus atau 5,808 adalah

Data	12,707
Kebangsaan Kesihatan Mobiditi 2019 (NHMS)	peratus
menunjukkan	31.4
kandungan gula,	wanita.
darah dan	Tinjauan dan
tinggi	kadar
	tekanan
	kolesterol
	merupakan
	faktor
	risiko utama
	penyakit
	kardiovaskular
	seperti penyakit
	jantung.

Apatah lagi data Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) menunjukkan kematian akibat COVID-19 adalah 3.7 kali lebih tinggi dalam kalangan pesakit berstatus komorbiditi (menghidap lebih daripada satu penyakit) berbanding yang bukan komorbiditi.

Kerajaan yang menyedari keseriusan permasalahan ini bertindak membangunkan strategi dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi meningkatkan usaha memerangi NCD, dan ini termasuk meningkatkan program kesedaran serta saringan yang lebih menyeluruh.

Malah, menerusi Belanjawan 2022, kerajaan bersetuju meneruskan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) serta bercadang meluaskan kenaan duti eksas ke atas produk minuman bergula dalam bentuk pracampuran berdasarkan coklat atau koko, malt, kopi dan teh.

"Suka atau tidak, masyarakat perlu menerima hakikat bahawa kita semua perlu menjalani kehidupan bersama virus COVID-19 iaitu fasa endemik, dan seperti sedia maklum, mereka yang mempunyai penyakit NCD lebih berisiko, dan kerana itu amat penting untuk (mereka) mengubah tingkah laku dan menjaga amalan pemakanan sihat.

"Kalau bukan diri kita, siapa lagi? Kerajaan tidak akan mampu menjayakannya tanpa penglibatan semua," katanya. – **BERNAMA**

Pasar Sentral UTC

Pengecualian sewa sehingga Jun depan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

RATUSAN peniaga kecil di Pasar Sentral UTC menerima manfaat pengecualian pembayaran bagi sewaan premis perniagaan selama enam bulan, sehingga Jun 2022.

Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Bashir Alias berkata, keputusan itu dimuktamadkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dalam satu mesyuarat baru-baru ini yang memahami situasi peniaga-peniaga kecil yang terkesan susulan pandemik COVID-19.

Katanya, ini membuktikan bahawa kerajaan komited dalam membantu rakyat menangani kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Kelonggaran itu dibuat selepas mengambil kira bebanan dan kesusahan yang ditanggung oleh peniaga-peniaga kecil.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Pembudayaan Norma Baharu anjuran Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan di Wisma Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail; Timbalan Pengurus Majlis Penasihat PL Hamir Zahari.

Sementara itu, beliau yang juga merangkap Pengurus Majlis Penasihat PL turut memaklumkan seramai 27 Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) di pulau ini bakal menerima kenaikan elauan bulanan sebanyak RM300 menjadikan elauan penuh pada Januari 2022 sebanyak RM1,000.

"Kenaikan elauan itu diluluskan Menteri Wilayah Persekutuan, baru-baru ini," katanya.

Bashir berkata, dengan adanya kenaikan elauan bulanan itu membuktikan kerajaan mengiktiraf kepentingan dan sumbangan Pengurus JP KK dalam membantu kerajaan menerusi sistem penyampaian perkhidmatan kepada penduduk kampung. WK



BASHIR (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan pelitup muka dan pembasmi kuman kepada 27 ketua kampung pada Program Pembudayaan Norma Baharu Anjuran MPP Labuan, baru-baru ini.



PASUKAN karate Labuan bersama pasukan karate Penampang Dojo.

Pasukan karate Labuan anjur perlawanan persahabatan

PASUKAN Karate Labuan mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan Karate SUKMA Sabah menerusi Program Majal Lurih Karate Labuan yang diadakan di Kompleks Sukan Likas, Sabah, baru baru ini.

Pengurus Pasukan Karate Labuan, Aswadee Taba berkata, program tersebut telah berlangsung selama empat hari yang baru sahaja beraakhir pada 30 Disember lalu melibatkan seramai 12 atlet, masing masing seorang jurulatih dan pegawai.

"Program Majal Lurih

merupakan suatu inspirasi dari moto bangsa Kedayan iaitu 'Inda Majal Inda Lurih' yang bermaksud selagi tidak bersungguh-sungguh, selagi itulah belum mendapat hasilnya atau dalam peribahasa Melayu 'Di mana ada kemahuan di situ ada jalan, katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Selain itu, katanya, program ini akan membincangkan matlamat pasukan karate Labuan bagi tahun 2022 dan harus membuatkan hasil daripada matlamat tersebut.

Jelasnya, perlawanan per-

sahabatan itu bertujuan untuk mendapatkan rentak dan mengembalikan semangat peserta yang akan bersaing dan siap siaga untuk menghadapi sebarang kejohanan serta persediaan untuk pemilihan SUKMA 2022.

"Selain mengadakan perlawanan dengan skuad karate SUKMA Sabah, pasukan kami juga telah mengadakan aktiviti 'Sinopian Water Rafting' di Kiulu yang bertujuan untuk membina semangat sepasukan dan bersedia menyahut cabaran tahun 2022," katanya lagi. WK

Pasukan BOWLS'C rangkul juara Open Triples Boling Padang

PASUKAN BOWLS'C rangkul juara selepas menewaskan pasukan ZNT 14-7 dalam Kejohanan Open Triples Boling Padang Tertutup Labuan yang diadakan di Gelanggang Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan, baru-baru ini.

Pasukan tersebut yang diwakili Mohammad Aimil Ismail, Muhammad Amirul Naim Fazly dan Nur Syabil Syarqwal Mohd Hamdan membawa pulang hadiah wang tunai RM750 bersama sebuah piala dan medal.

Manakala, pasukan ZNT yang diwakili Zulpikar Manshor, Nur Khairunnisa dan Nur Erien Tiara Jumadil yang terpaksa berpuas hati bergelar naib juara menerima hadiah wang tunai RM500 dan medal.

Tempat ketiga bersama dimenangi oleh pasukan BOWL'E yang diwakili Nurul Husna Suraiya Yunus dan Mohd Hafiz Roslan dan Nur Zur'Arissa

Nabihan Md Zaidi dan pasukan Kampung People yang diwakili pasangan adik beradik Nur Farah Faizah Roziman, Nur Farhana Faizah Roziman dan Mohd Raihan Roziman masing-masing menerima hadiah wang tunai RM300.

Penyerahan hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ahli Parlimen Labuan yang juga Presiden Persatuan Lawn Bowl Labuan, Datuk Rozman Isli.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan merangkap Timbalan Presiden Persatuan Lawn Bowl Labuan, Rithuan Mohd Ismail dan Naib Presiden Persatuan Lawn Bowl Labuan, Hassan Jinin.

Kejohanan anjuran bersama Persatuan Lawn Bowl Labuan dan Perbadanan Labuan sempena Ambang Tahun Baru 2022 telah disertai 32 pasukan. WK



ROZMAN (tengah) bersama para peserta yang menyertai Kejohanan Open Triples Boling Padang Tertutup Labuan yang diadakan di Gelanggang Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan di sini, baru-baru ini.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Dua NGO sumbang 1,000 bakul makanan kepada keluarga B40



JESSICA (dua dari kiri) bersama Tan Chee Keong (dua dari kanan) mewakili Club Lions Mandarin Labuan menyerahkan bakul makanan kepada keluarga B40 di Kampung Patau-Patau Satu.

KHAIRUL IDIN

LIONS Club Mandarin Labuan dengan kerjasama Yayasan KF Care mengagihkan 1,000 pek bakul makanan kepada keluarga B40 yang terkesan di pulau itu.

Inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada projek pengedaran makanan Lions Club Mandarin Labuan bersama pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan, badan korporat dan syarikat swasta.

Pengerusinya, **Lion Chua Pui Shien** berkata, antara barang bakul makanan itu adalah beras, minyak masak,

sardin, tepung dan sebagainya.

"Dalam menghadapi cabaran kewangan di waktu pandemik COVID-19 ketika ini, banyak keluarga dan anak-anak kecil tidak mendapat diet yang betul dan seimbang.

"Dengan sumbangan seperti ini dapat memastikan masyarakat di Labuan terutamanya keluarga B40 yang kurang bernasib baik, mempunyai akses kepada makanan yang betul menerusi pemakanan asas," katanya kepada *Wilayahku*, baru-baru ini.

Chua Pui berkata, agihan bakul makanan itu diedarkan di lapan lokasi iaitu di JKM

Labuan, Balai Raya Patau-Patau 2, Balai Raya Kampung Sungai Labu, Pusat Komuniti Sungai Bedau, Sekolah Kebangsaan Lubuk Temiang, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK)(C) Chi Wen, SRJK(C) Chung Hwa dan SM St Anthony.

Tambah beliau, pihaknya sedar akan cabaran yang dihadapi oleh keluarga berpendapatan rendah dalam meneruskan kehidupan di waktu pandemik ini.

"Justeru itu, kami sentiasa komited dalam menyediakan bakul makanan kepada golongan yang terkesan ketika ini," katanya lagi. **WK**

Mangsa banjir di Puchong terima bantuan NGO

SYAHIDI BAKAR

KEBANYAKAN mangsa terjejas bencana banjir di Kampung Lancong, Puchong, Selangor lega apabila pihak Persatuan Kebajikan Masih Ada Yang Sayang (Pekemas) Kuala Lumpur dan Selangor tampil menghulur bantuan barang keperluan harian.

Prihatin dengan nasib dialami mangsa berdepan kesukaran hidup, Pekemas-KLS bersama Puteri UMNO Bahagian Bukit Bintang menjayakan Misi Bantuan Banjir ke kampung yang terjejas akibat banjir bulan lalu.

Menurut Pengerusi Pekemas-KLS, **Robiah Abd Rani**, pasukan bantuan itu menyumbang pelbagai barang keperluan seperti air mineral, peralatan mandian, pakaian terpakai, selain teleung

hasil sumbangan orang ramai yang prihatin terhadap keperluan mangsa terjejas.

Katanya, bantuan yang disalur dijangka memanfaatkan kira-kira 50 keluarga terjejas di kampung tersebut yang turut berdepan kerugian harta benda selain terpaksa membanting tulang membersih rumah yang ditenggelami lumpur.

"Hasil sumbangan yang dikumpul daripada orang ramai selain peruntukan daripada NGO terbabit, digunakan sepenuhnya untuk membeli barang keperluan untuk mangsa.

"Walaupun sumbangan tidak sepenuhnya mampu memenuhi keperluan penduduk yang terjejas, ia sekurang-kurangnya dapat menampung kesulitan yang dihadapi oleh setiap keluarga

terlibat dalam bencana banjir ini," katanya selepas selesai Misi Bantuan Banjir di Kampung Lancong, Puchong.

Kedua-dua pihak itu turut meluangkan masa lebih dua jam meninjau kesan kerosakan dialami sambil diberi penerangan oleh beberapa orang penduduk mengenai banjir yang melanda kampung itu pada 28 Disember lalu.

Mengulas lanjut, Robiah yang juga Ahli Jawatankuasa MPPWP Zon Bukit Bintang, tidak menolak untuk meneruskan misi bantuan ke kampung terbabit dengan mengusahakan kerjasama lebih meluas melibatkan pelbagai pihak berkemampuan.

"Jika dilihat kepada keperluan penduduk, antara keutamaan bagi mereka adalah perkakas elektrik, dapur memasak dan lain-lain



ROBIAH (kiri) diberikan penerangan mengenai banjir yang merosakkan salah sebuah rumah mangsa banjir di Kg Lancong, Puchong.

barang perlu.

"Untuk barang ini kami cuba bekerjasama dengan pihak berminat serta berkemampuan untuk menyalurkannya kepada

penduduk di sini demi ringankan beban ditanggung," katanya sambil menyeru agar lebih banyak pihak tampil membantu mangsa yang kini hidup serba kekurangan. **WK**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah
MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
RM7,500



QUARTER PAGE
RM4,500



HALF PAGE
RM5,500



QUARTER PAGE
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER
1080px X 96px
RM2,500

MIDDLE BANNER
1080px X 280px
RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR
350px X 280px
RM1,500

HALF PAGE
350px X 500px
RM1,000

50,000 naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

'Menyelam' di Times Square bersama AkarKitaBundle



HAZIRAH HALIM

BUNDLE atau lebih dikenali sebagai koleksi pakaian terpakai mempunyai peminatnya tersendiri. Rata-rata mereka sanggup 'menyelam' di kedai ataupun secara atas talian (*online*) hanya untuk mendapatkan barang terbaik mengikut pilihan.

Ia bukan sahaja dijual dengan pakaian berjenama dan berkualiti malah harganya juga murah, tahan lama serta selesa dipakai. Namun, bagi sesetengah orang yang tidak pernah atau kurang menggemari pakaian ini akan beranggapan bahawa baju *bundle* adalah bekas pakaian terpakai yang sudah kotor dan lusuh.

Menjelaskan mengenai persepsi tersebut, **Muhammad Hafidz Md Zain**, 37, merupakan salah seorang pengusaha AkarKitaBundle (*OurRoot*) mengatakan bahawa barang *bundle* sememangnya adalah *rejected* atau *second-hand* (barang terpakai) namun masih mempunyai kualiti dan jenama di pakaian tersebut.

"Seperti yang diketahui, *bundle* adalah barang-barang terpakai yang diimport daripada negara-negara luar seperti United States (US), United Kingdom (UK), Korea, China, Jepun dan lain-lain."

"Walaupun ia bukanlah barang *first handed* (barang baru) tetapi kualiti dari segi material dan designnya masih elok, tidak cepat lusuh dan selesa dipakai," katanya kepada pemberita.

Sementara itu, Hafidz memberitahu pakaian-pakaian *bundle* yang dijualnya adalah berbeza dengan peniaga luar kerana ia menggunakan konsep *selective* (pilihan).

"Perbezaan barang kami dengan *bundle* di luar adalah kami akan pilih terlebih dahulu pakaian-pakaian yang baru sampai dari kilang kerana tidak semua baju boleh digunakan contohnya sudah koyak, longgar dan sebagainya."

"Kami sangat mementingkan keselesaan dan kualiti untuk menjaga pelanggan kami, jadi pentingnya kami



MOHD HAFIDZ




AHMAD ALIF



KEBANYAKAN pakaian akan digosok terlebih dahulu untuk menjaga imej perniagaan mereka.



PENGUNJUNG boleh membuat pilihan baju dari segi material dengan harga berbeza.



Imbas kod QR untuk tonton video

PELBAGAI pilihan baju dijual oleh AkarKitaBundle.

kakukan pemilihan terlebih dahulu dari segi kualiti, material dan *condition* mengikut standard berikut kini kami menjalankan perniagaan di dalam Pusat beli-belah Berjaya Times Square," jelasnya yang turut mengatakan bahawa 'different places different strategy of business.'

Menurutnya, dia juga membahagikan pakaian-pakaian tersebut mengikut tiga *class* iaitu *low class*, *medium class* dan *high class* dengan harga yang berbeza-beza.

"Baju *low class* lebih tertumpu kepada konsep mampu beli. Pakaian ini masih baru dan elok di mana ia dijual dengan harga serendah RM5 hingga RM10.

"*Medium class* dijual dengan harga tiga helai RM50 dan tiga helai RM100 manakala *high class* pula adalah baju berjenama serta *hot item* dijual mengikut jenis pakaian tersebut," jelas Hafidz yang turut menjual pakaian untuk perempuan.

Berkongsi mengenai keterlibatan menjalankan perniagaan di bawah Program Usahawan Anak Muda Kota ini, **Ahmad Alif Abdullah Ramli**, 27, yang merupakan rakan niaga kepada Hafidz mengatakan bahawa program ini memberi peluang kepada mereka untuk mengusahakan perniagaan *bundle* ini.

"Program ini bukan sahaja memberi pendedahan dan pengalaman baharu kepada kami bahkan ia juga adalah peluang untuk kami mengelakkan

bundle kepada orang ramai.

"Selain itu, program ini juga turut memberi peluang kepada peniaga di sini dan orang luar untuk datang belajar teknik atau cara hendak promosikan jualan secara *online*.

"Mungkin sebelum ini kami jalankan perniagaan secara *online* tetapi strateginya itu tidak cukup, jadi bila diberi pendedahan seperti ini, ia sangat membantu peniaga terutama golongan yang sudah berusia untuk menambahkan ilmu tentang perniagaan itu," jelasnya.


Mereka berdua turut mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan di atas pengajuran program seperti ini yang dilihat sangat membantu peniaga terjejas semenjak pandemik COVID-19 serta memberi galakan kepada golongan muda terutamanya untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. **WK**

INFO

Bazar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota

Nama Gerai:
AkarKitaBundle
(*OurRoot*)

Masa Operasi: 10.00 pagi
- 10.00 malam



Berjaya Times Square
Tingkat 4, (Lot 04-87)

Tapak Bazar Ramadan Putrajaya dibuka untuk permohonan



AINI MAWAWI

SEMPENA bulan Ramadan yang bakal disambut umat Islam tidak lama lagi, Perbadanan Putrajaya (PPj) mula membuka tawaran penyewaan tapak Bazar Ramadan Putrajaya 2022 kepada mereka yang berminat.

Sebanyak 200 ruang tapak disediakan di Presint 3 dan 10 lot Foodtruck Dataran Putrajaya Presint 3.

Permohonan boleh dibuat melalui laman sesawang <https://forms.gle/gsPobgsSYaP8e9v3A> sebelum 31 Januari 2022.

Menurut Pengarah Bahagian Pelesenan Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan

Putrajaya, Jeffri Mustapa, antara kriteria permohonan adalah hanya satu permohonan dibenarkan untuk satu keluarga dan tiada sebarang kompaun atau tunggakan sewaan dan cukai dengan PPj.

"Selain itu pemohon dan pembantu hendaklah mendapatkan suntikan Typoid kerana ia merupakan vaksin wajib kepada pengendali makanan," ujarnya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut tentang prosedur operasi standard (SOP) dalam pasca



JEFFRI

pandemik ketika ini, Jeffri berkata mereka masih menanti kebenaran Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

"Kita akan melihat SOP yang dibenarkan dan menyokong penuh setiap garis panduan yang ditetapkan MKN," ujar beliau.

Menceritakan kelainan pada tahun ini, beliau berkata Ramadan kali ini turut diserikan dengan Festival Ramadan seperti tahun-tahun sebelumnya yang diadakan di dalam khemah di Dataran Putra.

"Kita cuba untuk adakan semula festival dengan jualan barang sempena hari raya seperti baju raya, songkok, kuih dan sebaganya. Selain itu, kita juga akan mewujudkan laman iftar di kawasan kiblat walk yang terletak di antara dua bangunan PPj ini.

"Di situ akan disediakan kerusi dan meja untuk pengunjung menikmati hidangan yang dibeli sama ada di kawasan ini atau bazar bersama kaum keluarga mahupun rakan-rakan. Kita anggarkan dalam 40 peniaga akan bermula di kawasan ini dengan menu serta minuman yang berbeza," ujar beliau.

Berkata lanjut tentang hal tersebut, Jeffri berkata, tapak tersebut bakal diuruskan oleh kontraktor luar dan dalam masa yang sama dipantau oleh PPj. WK



PELBAGAI juadah terdapat di Bazar Ramadan Putrajaya.



JUADAH panas turut menjadi pilihan pembeli.

TAWARAN DIBUKA

TAWARAN PENYEWAAN
TAPAK BAZAR RAMADAN PUTRAJAYA 2022

SILA IMBAS BORANG PERMOHONAN DISINI:

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia sahaja
2. Berumur 18 tahun ke atas
3. Keutamaan kepada penduduk Putrajaya
4. Hanya 1 Permohonan : 1 Keluarga
5. Tiada sebarang tunggakan sewaan & kompaun Perbadanan Putrajaya

BAHAGIAN PELESENAN JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR, PERBADANAN PUTRAJAYA

ZUNAINI ISMAIL

ZUNAINI

ZUNAINI ISMAIL

ZUNAINI

Jom belajar menjahit bersama Bengkel Suri Putrajaya

KAUM wanita di Putrajaya yang berminat untuk mempelajari seni jahitan dipelawa untuk menyertai Bengkel Suri Putrajaya 2022 kelas jahitan yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj).

Menurut Tenaga Pengajarnya, Zunaini Ismail, kelas yang diadakan selama 12 sesi itu akan mengajar para peserta cara menjahit set baju Muslimah yang terdiri daripada blous, skirt dan palazo.

"Modul ini memudahkan

wanita untuk memiliki baju menutup aurat dan dalam masa yang sama membantu mereka untuk menyuaipadan imej Muslimah untuk keluar bekerja dan sebagainya," ujarnya.

Katanya, yuran bulanan serendah RM60 serta yuran pendaftaran bernilai RM50 dikenakan bagi yang ingin mengikuti kursus kelas jahitan



ZUNAINI

ini yang akan bermula pada 8 Januari hingga 9 April 2022.

"Kita juga mewajibkan peserta memiliki mesin jahit sendiri kerana selain diajar menjahit di kelas, mereka juga perlu menyambungnya di rumah," ujarnya yang mengakui kebanyakan peserta sebelum ini tidak memiliki asas menjahit.

Tambahnya lagi, selain mencapai objektif untuk membantu wanita menjahit, kelas yang diadakan di bilik serbaguna, Kompleks Kejuriran Presint 9 itu juga memberi peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan.

"Kebanyakan pelajar saya sebelum ini mampu menjadi tukang jahit dan tidak menang tangan menerima tempahan baju lebih-lebih lagi ketika menjelang

perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri," ujarnya.

Selain daripada itu, menurut Zunaini kelas yang dianjurkan itu juga berjaya memupuk silaturahim antara komuniti.

"Biasanya apabila berada di kelas baru mereka sedar bahawa mereka berjiran. Melalui itu juga hubungan itu dapat dieratkan," ujarnya kepada Wilayahku.

Bagi yang ingin menyertai hubungi talian 013-6918516 WK

Posisi tepat bantu pasukan raih juara

Daniea bangga sertai bola jaring KL

AINI MAWAWI

EMPAT kali berturut-turut pasukan bola jaring Kuala Lumpur memegang takhta juara dalam Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan, atlet bola jaring, Siti Nur Daniea Alisya Iqma Syamsul Rakesh, 20, mengakui kejuaraan tahun ini begitu bermakna bagi mereka.

Katanya kepada *Wilayahku*, dua tahun berada dalam situasi pandemik COVID-19 merupakan saat yang begitu mencabar lebih-lebih lagi ia menjadi halangan buat pasukannya menjalani latihan di padang.

"Biarpun berdepan dengan keadaan yang sukar namun pasukan tetap menjalani latihan biarpun secara dalam talian. Jadi, dengan kemenangan ini sudah semestinya semua pemain berpuas hati dengan hasil kesungguhan masing-masing.



DANIEA

"Namun yang pasti, kejayaan ini bertitik tolak daripada kekuatan jurulatih kami, Norizan Rejab. Dia merupakan individu yang banyak membantu pasukan dengan caranya yang tersendiri.

"Setiap kali berlatih, dia akan memastikan semua posisi. Secara tidak langsung daripada situ, dia akan nampak kelemahan serta kelebihan setiap pemain," ujar pelajar Diploma Sains Sukan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam ini.

Tambahnya lagi, sebagai seorang pemain dia turut menyokong cara jurulatihnya kerana langkah itu sangat membantu menyusun pemain di setiap posisi dengan tepat mengikut kelebihan masing-masing.

Bercerita lanjut tentang kejohanan akan datang, Daniea mengakui pasukanya kini sedang giat berlatih untuk menghadapi Kejohanan Liga Super Bola Jaring, Kejohanan Remaja

Pencapaian Daniea

2021 - Terbuka Kebangsaan, Kuala Lumpur - Juara

2021 - Kejohanan Liga Super Bola Jaring, Kuala Lumpur - Juara

2019 - Kejohanan Remaja Kebangsaan, Selangor - Tempat Ketiga

2018 - SUKMA 2018, Perak - Tempat Ketiga

Instagram: @nieanisyia

Bawah 21 Tahun dan SUKMA.

Sempat berkongsi kisah duka dia dan keluarga terlibat dalam bencana banjir di kediaman yang terletak di Kampung Seri Aman, Puchong baru-baru ini, anak sulung daripada tiga orang adik-beradik ini terharu menerima bantuan daripada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

"Saya tidak menyangka menerima sumbangan berupa



DANIEA (kiri) menerima bantuan banjir daripada Shahidan (tengah) baru-baru ini. Turut serta Datin Seri Shamsiah Md Yassin.

barang asas daripada beliau lebih-lebih lagi ketika majlis penghargaan atas kemenangan pasukan bola jaring Wilayah Persekutuan yang diadakan di Rumah Prihatin@ GrandSeasons.

"Segala jasa baik dan keprihatinan

beliau amat saya hargai. Sekurang-kurangnya bantuan tersebut dapat meringankan beban saya sekeluarga," ujarnya yang berdepan dengan kerosakan perkakasan rumah akibat bencana banjir baru-baru ini. WK

Dinolove FC juara KLWFC 2021

DINOLOVE FC tampil juara dalam aksi final Kejohanan Liga Bola Sepak Wanita Kuala Lumpur menewaskan KL Sunbears 1-0 hasil jaringan tunggal Henrietta Justine pada minit ke-24 di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur Cheras baru-baru ini.

Kemenangan tersebut memaksa KL Sunbears akur sebagai Naib Juara pada kejohanan ini.

Sementara itu, Setiawangsa Rangers FC pula berjaya menewaskan Hypernova Girls FC dengan keputusan penuh 4-2 hasil jaringan hatrik dari Nurul Izzah Abdul Razak minit ke-7, 14 dan 54 dan Khairani Syuhada Abdul Rahman minit ke-11 sekali gus berada di tempat ketiga.

Dalam pada itu, pasukan Hypernova Girls FC juga turut menjarangkan gol pada minit ke-31 dan minit ke-44 yang disempurnakan Shahida Hassan dan Nur Ezza Asyikin.

Pengurus KLWFC 2021, Khushairi Aizad turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sokongan pertandingan bola sepak wanita edisi pertama tersebut.

"Objektif utama pertandingan ini untuk mencungkil bakat-bakat baru seterusnya membantu melahirkan lebih ramai pemain-pemain bola sepak dalam kalangan wanita.

"Diharapkan ia dapat diter-



PASUKAN Dinolove FC sejurus diumumkan sebagai juara baru-baru ini.

uskan pada masa akan datang sekali gus membantu membina karier dalam bidang sukan yang disukai ramai ini," ujarnya.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Pengurus Jawatankuasa Bola Sepak Wanita FAM, Datuk Suraya Yaacob; Setiausaha Agung FAM, Mohd Saifuddin Abu Bakar serta Pengarah Urusan Arcadin Services Sdn Bhd, Datuk Che Azizuddin Che Ismail.

Terdahulu, juara memenangi wang tunai RM2,000; naib juara (RM1,000); ketiga, RM500 dan tempat keempat, RM400. WK

Senarai pemenang

Queen of the Match:
Nurul Izzah Abd Razak
(Setiawangsa Rangers FC)

Pemain muda terbaik:
Nurfatin Rozani (KL Sunbears)

Penjaga Gol Terbaik:
Noorazizah Binti Mohd Nazri
(Dinolove FC)

Penjaring terbanyak:
Angela Anak Kais (Dinolove FC)

Pemain Terbaik:
Henrietta Justine (Dinolove FC)

Jurulatih Terbaik:
Shemei Chong (Dinolove FC)

Pengurus Terbaik:
Datuk Kamarudin Hassan
(Dinolove FC)

Pasukan Terbaik:
Setiawangsa Rangers FC

Seni silat Sukmo Rogo merentasi zaman

SENI Silat Sukmo Rogo mula diperkenalkan di daerah Kajang, Selangor pada tahun 1918. Kemudian pada tahun 1925 seorang pendekar bernama Sukimin Marto telah mempelajari seni ini daripada Haji Sirat yang menetap di Kajang.

Setelah memiliki ilmu persilatan itu, beliau terus merantau ke seluruh pelosok negeri sehingga kembali menetap di Batu 12 Jalan Cheras-Kajang.

Pada tahun 1956, ketika di Kajang, beliau dikunjungi seorang kenalannya yang merayu supaya diajarkan ilmu persilatan yang diajari.

Bermula dari saat itu, Silat



Sukmo Rogo diperkenalkan sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1986.

Sehingga kini, pencak silat Sukmo Rogo telah melalui tiga generasi di daerah Kajang sejak ia mula dibawa dari tanah Jawa, Indonesia.

Malah ilmu seni ini masih hidup dan diminati oleh anak muda sekitar Kajang dan Kuala Lumpur.

Walaupun bertahan kehilangan Pak Guru Sukimin Marto namun namanya dan seni Sukmo Rogo masih menghijau dan mekar dengan munculnya ramai murid-murid baharu yang bakal meneruskan legasi seni ini di sana. WK



SUKMO Rogo tetap jadi pilihan generasi muda.



Lebih 1,500 dihantar ke Pusat Servis seluruh negara

Banjir: Perodua tawar rebat kereta terjejas

PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutif Perodua, Datuk Zainal Abidin Ahmad memaklumkan, sebanyak 1,675 kenderaan yang terjejas banjir sudah dihantar ke pusat servis di seluruh negara untuk diperiksa.

"Sambutan yang menggalakkan ini adalah tindak balas positif pelanggan kami mengenai pengumuman Perdana Menteri berhubung program Perodua Flood Assistance."

"Fokus kami sekarang adalah untuk memastikan kenderaan yang dihantar ke pusat servis dapat diselenggara dengan segera."

"Perodua juga sedang bekerjasama dengan pihak insurans dan pihak yang berkenaan untuk memastikan proses dapat dibuat dengan secepat mungkin," katanya.

Mengulas mengenai kerosakan kenderaan, Zainal Abidin berkata, kos baik pulih kenderaan yang rosak dibagikan kepada tiga kategori iaitu kerosakan 100 peratus di mana air banjir sampai ke bumbung kereta.

"Ini bermakna semua kompo-



PERODUA tawar rebat, diskau dan pemeriksaan percuma kenderaan mangsa banjir.

nen dalam kenderaan itu rosak sepenuhnya dan kos untuk membaiki kenderaan berkenaan adalah antara RM10,000 dan RM15,000.

"Bagi kategori kedua pula ialah kerosakan 50 peratus di mana air banjir hanya naik ke lantai kenderaan dan kos baik pulih bagi kategori ini adalah antara RM1,500 dan RM2,500," katanya.

WK

anggarkan antara RM7,500 dan RM8,500.

"Manakala kategori ketiga ialah kerosakan 20 peratus di mana air banjir hanya naik ke lantai kenderaan dan kos baik pulih bagi kategori ini adalah antara RM1,500 dan RM2,500," katanya.



Mangsa banjir Tiong Nam terima insentif RM1,300

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) baru-baru ini menyerahkan sumbangan sebanyak RM1,300 kepada mangsa banjir di Jalan Tiong Nam, Kuala Lumpur bagi membantu meringankan beban yang dialami.

Sumbangan menerusi Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) itu diserahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada mangsa terlibat pada 5 Januari lalu.

DBKL dalam kenyataan memaklumkan, sumbangan bantuan wang ihsan itu merupakan inisiatif kementerian dan tanda keperihatinan kerajaan.

"Program ini diketuai Pengurus Kawasan Parlimen Bukit Bintang, Ahmad Ibu Sina Termizi dan disertai wakil dari Majlis Perwakilan Penduduk

Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Parlimen Bukit Bintang. Turut serta pegawai dan kakitangan dari Yayasan Wilayah Persekutuan dan jabatan dalaman DBKL.

"Bantuan wang ihsan ini telah mula disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir dan tanah runtuhan seperti di Jalan Kolam Air, Jalan Cassipillay dan lain-lain lagi," katanya dalam hantaran di Facebook pada Rabu.

Katanya, ia akan diteruskan lagi kepada semua mangsa-mangsa yang terlibat di kawasan-kawasan lain.

Tambahnya, semoga dengan bantuan yang diberikan dapat meringankan serba sedikit beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa kejadian bencana alam ini. WK

Kedai Percuma Pak Nil ringankan beban mangsa banjir

DEEL ANJER

BENCANA banjir baru-baru ini membuatkan ramai pihak bimbang dan sekali gus mendorong mereka membantu mangsa-mangsa banjir menerusi pelbagai cara.

Tidak ketinggalan pengacara popular, Datuk Aznil Nawawi atau lebih dikenali sebagai Pak Nil turut menghulurkan bantuan.

Bermula dengan usaha Pak Nil menjalankan kerja mengumpul golongan sukarelawan bagi membantu masyarakat di Bukit Changgang, Banting, Selangor, baru-baru ini, tercetuslah idea mewujudkan Kedai Percuma Pak Nil.

Katanya, kedai percuma yang ditempatkan di sebuah kawasan di situ ditubuhkan pada 30 Disember lalu.

"Sebelum ke sana, saya di-

hubungi salah seorang pengikut Instagram. Dia berkongsi cerita mengenai kemusnahan daerah itu akibat banjir.

"Malah ketika menjelaki kawasan itu, saya lihat ramai penduduk yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) tinggal sehelai sepinggang," katanya yang cukup prihatin dengan nasib mangsa-mangsa banjir.

Buat permulaan ketika itu, penyanyi lagu Apo menghubungi syarikat yang pernah bekerjasama dengannya seperti jenama Eskayvie dan Nakada.

"Pihak jenama itu bermurah hati untuk menghantar barang keperluan asas seperti minyak, telur, air mineral, sardin, selimut, bantal, lampin bayi dan sebagainya.

"Timbul idea juga untuk mengumpul belian barang asas ini menerusi duit sumbangan orang

ramai. Saya beli sendiri barang itu menggunakan duit sumbangan diberikan.

"Ia kemudiannya diletakkan di sebuah kedai di kawasan berkenaan yang diberi nama Kedai Percuma Pak Nil," jelasnya.

Dalam masa sama, Pak Nik mengalu-alukan mangsa banjir ke kedai itu untuk mengambil barang keperluan secara percuma mengikut keperluan mereka sahaja.

"Bagi yang mahu menyumbang boleh ke akaun Instagram @aznilnawawi untuk menyemak butiran lanjut atau 'bank in' ke 564735801178 (Maybank).

"Kedai ini akan berterusan beroperasi jika terus menerima sumbangan orang ramai atau pertubuhan kerajaan mahupun swasta," katanya yang berharap Kedai Percuma Pak Nil terus bermafaat kepada mangsa-mangsa banjir. WK



AZNIL meletakkan barang sumbangan di Kedai Percuma Pak Nil untuk diambil mangsa banjir.